Haiwan Primat Dalam Sejarah Sosio-Budaya dan Ketamadunan[1]

Oleh

Azharudin Mohamed Dali
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya
azharud@um.edu.my

Pengenalan

Sejak beberapa tahun yang lepas, usaha-usaha telah dilakukan untuk cuba meneroka satu "fokus" baharu dalam penelitian terhadap sejarah Malaysia. Fokus yang dimaksudkan ialah mengenai "sejarah haiwan". Dalam perjalanan ini, beberapa penulisan dan penerbitan telah berjaya dilakukan termasuklah buku *Ular Dalam Mitos dan Sejarah* terbitan IPG Kampus Bahasa Melayu 2018 diikuti dengan *Dunia Haiwan di Alam Melayu: Mitos, Mistik dan Sejarah* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka 2022 dan yang terbaharu *Lembu dan Kerbau Dalam Sejarah Sosiobudaya Masyarakat Melayu* juga terbitan IPG Kampus Bahasa Melayu 2023. Usaha ini bukan sahaja cuba mempelbagaikan isi kandungan sejarah tetapi juga dalam masa yang sama menjadi bukti bahawa disiplin sejarah mampu dan boleh digunakan untuk membincangkan pelbagai subjek, termasuk mengenai haiwan sekalipun. Jika penelitian yang dilakukan sebelum ini bertumpu kepada haiwan-haiwan utama seperti gajah, harimau, buaya, kuda, ular, lembu dan kerbau, bertepatan dengan seminar yang diadakan ini, maka tumpuan cuba diberikan kepada haiwan primat.

Kamus DwiBahasa Dewan mendefiniskan perkataan primat sebagai "*jenis mamalia peringkat tertinggi (termasuk manusia, kera, monye*t".[2] Kelihatannya, maksud yang sama diberikan oleh *Kamus Oxford* yang mendefinisikannya sebagai, "*a mammal of an order including the lemurs, bushbabies, tarsiers, marmosets, monkeys, apes, and human*".[3] *Kamus Zoology* memberikan pendefinisian yang lebih panjang lebar yang antara lain menyebutnya sebagai "*An order of mammals that have adapted to arboreal life and in some forms secondarily to life on the ground*…".[4] Oleh itu, secara mudah, primat dapat dimaksudkan sebagai pelbagai jenis haiwan yang antaranya termasuklah monyet dan *ape*. Malahan berdasarkan definisi ini, terdapat pandangan yang meletakkan manusia turut termasuk dalam kategori ini.[5] Dunia primat boleh dibahagikan kepada dua iaitu dunia ape dan dunia monyet. Dalam dunia *ape*, terdapat cimpanzi, gorila, orang utan dan gibon (ungka) yang mempunyai ciri berikut;

---

[1] Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Khazanah Alam: Meneroka Kepelbagaian Primat di Malaysia, 21 Mac 2023 di Hotel de Palma, Shah Alam Anjuran PADAT.
[2] "Primate*", Kamus Dwibahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 954.
[3] "Primate", *Concise Oxford English Dictionary*, (11th Edition) Oxford: Oxford University Press, 2004, hlm. 1139.
[4] Michael Allaby, *Concise Dictionary of Zoology*, London: Oxford University Press, 1996, hlm. 376.
[5] Perbahasan mengenai manusia dalam kategori primat mungkin dibincangkan dalam bahagian lain.

> *All are completely tailless, and have well developed brains. They differ from man principally in being adapted to a life in the trees, instead of on the ground, and in being incapable of true speech, and the way of thinking that goes with it.*[6]

Dalam dunia monyet pula terbahagi kepada dua iaitu monyet dunia lama (*old world monkey*) dan monyet dunia baharu (*new world monkey*). Monyet dunia lama merujuk kepada monyet di Afrika dan Asia sementara monyet dunia baharu merujuk kepada monyet di Amerika Tengah dan Amerika Selatan. Antara perbezaan kedua kategori ini ialah, "*The New World monkeys differ from all Old World monkeys by being able to use their tail for hanging and even for grasping. None of the Old World monkeys can do this*…".[7]

Secara lebih terperinci, dalam perbincangan yang dilakukan dalam kertas ini, perhatian akan diberikan kepada beberapa jenis primat terutamanya monyet, beruk dan orang utan. Perbincangan dalam kertas ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian. Pertama, penelitian akan dilakukan terhadap pelbagai sumber literatur mengenai haiwan primat. Kedua, penelitian melihat haiwan primat dalam sejarah dan tamadun secara umum. Dalam bahagian ini, perbincangan turut menyentuh mengenai hal-hal yang berkaitan dengan sosio-budaya dan kepercayaan dalam masyarakat dalam tamadun-tamadun dunia terutamanya Mesopotmia, Mesir, India dan China. Bahagian ketiga pula membincangkan mengenai haiwan primat di negara ini. Selain menyentuh sepintas lalu mengenai kepelbagaian haiwan primat yang ada, perbincangan turut melihat kedudukan haiwan ini dalam konteks sosio-budaya dan aspek-aspek lain yang berkaitan.


Tinjauan Literatur

Pensejarahan atau historiografi bermaksud penulisan sejarah. Dalam bahagian ini, penelitian melihat mengenai kajian dan penerbitan yang berkaitan dengan haiwan terutamanya haiwan primat. Secara umum, bidang sejarah haiwan (*animal history*) telah melalui satu perkembangan yang sangat pesat sejak sekurang-kurangnya 1990-an.[8]

Adalah jelas, kebanyakan penulisan yang ada mengenai haiwan primat dilakukan oleh bidang-bidang bukan sejarah terutamanya primatologi, biologi, konservasionis, zoologi dan sebagainya. Selain itu, banyak juga penulisan yang dilakukan mengenai dunia '*entertainment"* termasuk dalam sarkas seperti tulisan yang dihasilkan oleh David A.H. Wilson yang bertajuk *The Welfare of Performing Animal: A Historical Perspective*.[9] Selain sarkas, bagi pengkaji sejarah perfileman atau '*entertainment*' pasti tidak dapat lari daripada menyentuh mengenai haiwan primat dalam filem termasuk filem *Tarzan*. Selain itu, filem *King Kong* (menjadikan gorilla sebagai model?) sementara *Planet of the Apes* turut menjadikan haiwan primat sebagai "pelakon-pelakonnya".

---

[6] J.L. Harrison, *The Apes and Monkeys of Malaya (Including the Slow Loris)*, Kuala Lumpur: Malayan Museum Pamphlets No 9, 1955, hlm. 2.
[77] Ibid.
[8] Lihat Azharudin Mohamed Dali, *Dunia Haiwan di Alam Melayu: Mitos, Mistik dan Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022, Bahagian Pendahuluan.
[9] David A.H. Wilson, *The Welfare of Performing Animal: A Historical Perspective*, Heidelberg: Springer, 2015


Gambar 1: King Kong (1933)	Gambar 2: Planet of the Apes (2019)
	

Sumber https://en.wikipedia.org/wiki/King_Kong, diakses pada 15 Februari 2023; https://www.digitalspy.com, diakses pada 15 Februari 2023

Walau bagaimanapun, penulisan ini tidak berhasrat untuk membincangkan hal ini secara mendalam. Ini sekadar disentuh untuk menunjukkan betapa haiwan primat telah menjadi haiwan popular dan tarikan kepada kalangan penonton. Ketika zaman kegemilangan sarkas, haiwan primat menjadi tontonan dan kebolehan mereka melakukan sesuatu permainan hingga menjadikannya bahan hiburan. Selepas era sarkas berakhir, haiwan primat diberi nafas baharu dengan menjadi "pelakon" dan ada kalanya diberikan "sifat manusia" seperti yang dipaparkan di dalam filem *Planet of the Apes*.

Mengenai filem *Tarzan* yang dikeluarkan pada tahun 1934, haiwan primat yang terlibat di dalam filem itu ialah seekor cimpanzi yang dilahirkan di Liberia bernama Cheeta. Cheeta terlibat dalam 10 filem Tarzan sejak 1934 itu diikuti dengan filem-filem lain termasuk filem *Doctor Dolittle*. Kisah Cheeta disebutkan dalam sebuah buku bertajuk *Me Cheeta: The Autobiografi*. Buku ini, secara kreatif dihasilkan oleh James Liver yang memaparkan kisah hidup Cheeta.[10] Cheeta turut dikenali dengan kebolehannya "melukis" dan "lukisannya" pernah di pamerkan di *National Museum of London* serta pernah dijual dengan harga 10,000 dollar dalam satu jualan amal. Cheeta menghembuskan nafasnya pada 5 Mei 2022 dan dianggarkan ketika ini berusia 75 tahun.[11]

[10] James Liver, *Me Cheeta: The Autobiography*, London: Fourth Estate, 2008.
[11] https://www.facebook.com/cheetachimp, diakses pada 15 Februari 2023.

Gambar 3: Kulit Buku "Me Cheeta: the Autobiografi"	Gambar 4: Cheeta dan Lukisannya
	

Sumber: Koleksi peribadi; https://www.facebook.com/cheetachimp, diakses pada 15 Februari 2023

Sebuah artikel pendek namun sangat penting mengenai haiwan primat iaitu orang utan telah dihasilkan oleh Maria Schwalbe, Julia Unger dan Deborah Belcher yang bertajuk "*The History of Orangutans in Captivity*".[12] Artikel pendek ini kelihatannya ditujukan kepada *Chicago Zoological Society* mengenai orang utan. Meskipun pendek, namun artikel ini menyelusuri sejarah orang utan terutamanya mengenai penangkapan orang utan. Artikel ini antara lain menyebutkan bahawa daripada bukti-bukti fosil yang ditemui, adanya kemungkinan orang utan menjadi sebahagian daripada diet penduduk di Borneo. Malahan, terdapat juga pandangan yang menyebut bahawa orang utan mungkin menjadi haiwan peliharaan (*pet*) terutamanya di wilayah Niah. Artikel ini turut menyebut bahawa rekod pertama mengenai orang utan di tangkap dan di bawa ke luar dari Borneo ialah pada 29 Jun 1776 apabila seekor orang utan ditangkap dan

[12] Maria Schwalbe, Julia Unger and Deborah Belcher, "The History of Orangutans in Captivity", Chicago Zoological Society, 2007.

dihantar ke Belanda untuk dijadikan haiwan di zoo peribadi Raja Belanda. Walau bagaimanapun, orang utan ini mati pada 22 Januari 1777.[13]

Salah satu buku yang sangat menarik mengenai haiwan primat bertajuk *World Archaeoprimatology Interconnections of Humans and Nonhuman Primates in the Past*.[14] Buku yang mempunyai ketebalan lebih 500 halaman ini mengandungi 21 bab keseluruhannya. Buku ini menggunakan istilah *archaeoprimatologi* yang dirujuk sebagai satu usaha untuk "…explores the interface between humans and nonhuman primates in antiquity".[15] Keseluruhan perbincangan merangkumi haiwan primat di empat wilayah yang berbeza iaitu di Benua Amerika Latin (8 bab), Eropah (2 bab), Afrika (5 bab) dan Asia (6 bab). Pelbagai perkara mengenai haiwan primat di kawasan yang berbeza di bincangkan. Di Asia, antara bab yang penting ialah mengenai monyet ketika tamadun Mesopotamia , monyet di India dan Sri Lanka, Indonesia, China dan Jepun. Malangnya tiada bab mengenai haiwan primat di Malaysia.

Pada tahun 1997, H. D. Rijksen dan E. Meijaard telah menghasilkan sebuah buku yang juga cukup menarik bertajuk *Our Vanishing Relative: The Status of Wild Orang-Utans at the Close Twentieth Century*.[16] Buku ini dibahagikan kepada lima bahagian keseluruhannya. Bahagian pertama yang banyak menyentuh mengenai pelbagai aspek sejarah yang berkaitan orang utan. Antaranya adalah mengenai *"A History of the Orang-Utan's Distribution"; "Ecology and Natural History"; "A History of Hunting and Poaching*"; dan *""History of Orang-Utan Conservation*". Bahagian-bahagian lain dalam buku ini juga sangat signifikan dalam melihat kedudukan dan perkembangan orang utan di Borneo dan Sumatera. Adalah jelas, meskipun penulisan, kajian dan penerbitan mengenai orang utan dan haiwan primat yang lain dikuasai oleh kalangan orang sains mahupun disiplin-disiplin yang lain termasuk *conservationist*, namun di celah-celah itu, penulisan mengenai disiplin sosial sains dan sejarah turut digunakan. Hal ini sebenarnya masih sangat jarang dilakukan di negara ini dan ini berlaku kemungkinannya kerana salah faham mengenai sejarah itu sendiri yang diyakini oleh sesetengah pihak mempunyai cakupan tidak melewati batas-batas manusia dan dalam keadaan ini, segala yang bukan manusia tidak termasuk dalam perbincangan dan perbahasan sejarah. Contoh yang paling baik boleh dilihat dalam buku *Nonhuman Primat Welfare: From History, Science and Ethics to Practice*. Ketika tumpuan utama memang diberikan kepada kajian sains mengenai primat, namun sejarah digunakan sebagai asas dalam memahami perbincangan yang ingin dilakukan. Salah ssatu bab dalam buku ini dihasilkan oleh Geoff Hosey bertajuk "*The History of Primates in Zoos*".[17]

Di negara ini, setakat yang diketahui, selain daripada sederatan penulisan dan penerbitan mengenai haiwan primat terutamanya orang utan yang dilakukan oleh kalangan ahli-ahli primatologi, biologi, konservasionis dan sebagainya, terdapat beberapa buah buku mengenai orang utan wajar diberikan perhatian. Pada tahun 1962, Barbara Harrison menghasilkan sebuah buku menarik bertajuk *Orang-Utan*. Buku ini, selain memaparkan pelbagai aspek mengenai

[13] Ibid.

[14] Bernardo Urbani, Dionisios Youlatos and Andrzej Antczak (eds.), *World Archaeoprimatology Interconnections of Humans and Nonhuman Primates in the Past*, Cambridge: Cambridge University Press, 2022.

[15] Ibid., "Introduction".


[16] H. D. Rijksen and E. Meijaard, *Our Vanishing Relative: The Status of Wild Orang-Utans at the Close Twentieth Century*, Netherland: A Tropenbos Publication, 1997.

[17] Lauren M. Robinson and Alexander Weiss (eds.), *Nonhuman Primate Welfare: From History, Science and Ethics to Practice*, Switzerland: Springer Nature, 2023.

orang utan, buku ini sebenarnya lebih kepada pengalaman penulis dengan haiwan primat ini di Borneo. Buku ini mengandungi lima bab utama iaitu "*Orangs in the house*"; "*Orangs in the Jungle"; "Educating orangs"; "Orangs at sea*"; dan "*Orangs in Zoos*". Jika diperhatikan, penulis menggunakan singkatan "orang" dalam buku ini untuk merujuk kepada orang utan, sesuatu yang sebenarnya tidak banyak dilakukan oleh penulis lain.[18]

Sebuah buku yang sangat-sangat penting mengenai orang utan dihasilkan oleh Robert B. Cribb, Helen Grilbert dan Helen Tiffin bertajuk *Wild Man from Borneo: A Cultural History of the Orangutan*.[19] Mengapa buku ini disifatkan sebagai sangat-sangat penting? Pertama, salah seorang penulis yang terlibat iaitu Robert Cribb merupakan seorang Professor sejarah dengan Australia National University hingga menjadikan buku ini sangat "bersifat sejarah". Malahan penelitian yang bersifat multi-disiplin ini menjadikan ia sangat signifikan. Kedua, buku ini disifatkan sebagai *"first comprehensive history of the human-orang utan encounter*" dan buku yang mempunyai 10 bab ini membincangkan pelbagai aspek mengenai orang utan. Meneliti isi kandungan buku ini, tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa ia merupakan "*best book*" mengenai sejarah orang utan.

Gambar 5: Kulit Buku "Wild Man From Borneo



Buku bertajuk *Orang-Utan: Malaysia's Mascot* diterbitkan pada tahun 1989 oleh Junaidi Payne dan Mahedi Andau. Buku setebal 88 halaman ini bukan sahaja bersifat "*informative*" tetapi turut mengandungi pelbagai aspek mengenai orang utan yang tidak ditemui dalam buku-buku lain. Misalnya dalam halaman 50-58, disebutkan mengenai "*stories and legend*" yang menjadikan buku ini istimewa.[20] Buku bertajuk *Orang Utan* yang dihasilkan oleh Maryati Mohamed dan

[18] Barbara Harrisson, *Orang-Utan*, London: Collins, 1962.
[19] Robert B. Cribb, Helen Grilbert and Helen Tiffin, *Wild Man from Borneo: A Cultural History of the Orangutan*, Honolulu: University of Hawaii Press, 2014.
[20] Junaidi Payne and Mahedi Andau , *Orang-Utan: Malaysia's Mascot*, Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1989.

Noraini Nasaruddin juga wajar disebutkan. Buku ini diterbitakn oleh Dewan Bahasa dan Pustaka di bawah Siri Haiwan di Persekitaran Kita. Meskipun agak nipis dengan ketebalan hanya 80 halaman, namun ia banyak memberi maklumat mengenai orang utan serta sesuai sebagai bacaan *"leisure*" dan bersifat "*informative*".[21] E. L. Bennett menghasilkan *The Natural History of Orang Utan* pada tahun 1998 dan G. Kaplan bersama L. Rogers pula menghasilkan *Orang-Utans in Borneo* pada tahun 1994.[22] Pada tahun 2019, Mashhor Mansor menghasilkan *Orang Utan: Makhluk yang Terancam Kepupusan*. Buku dengan ketebalan 113 halaman ini agak menarik kerana selain menyentuh mengenai ancaman kepupusan, perbincangan turut menyentuh mengenai pelbagai latar sejarah mengenai orang utan terutamanya dalam bab 2 dan 3. Jika kebanyakan buku hanya menyentuh mengenai orang utan di Borneo terutamanya di Sabah, namun Mashhor Mansor turut menyentuh mengenai orang utan di Semenanjung Malaysia. Selaku seorang sarjana dalam bidang ekologi, penulisan buku ini sememangnya sangat signifikan dalam subjek orang utan.[23] Jika ditinjau secara keseluruhan, tidak banyak sebenarnya penulisan dan penerbitan mengenai haiwan primat lain selain daripada orang utan di negara ini. Antara kajian dan penulisan awal ialah J.L. Harrison bertajuk *The Apes and Monkeys of Malaya*. Tulisan ini diterbitkan pada tahun 1955 sebagai Malayan Museum Pamphlets No 9. Meskipun hanya setebal 18 halaman, namun ia memberi pelbagai maklumat mengenai haiwan primat di Semenanjung Malaysia.[24] Buku bertajuk *Malayan Forest Primates: Ten Years' Study in Tropical Rain Forest* juga cukup menarik dan penting kerana ia membincangkan pelbagai jenis haiwan primat di Semenanjung Malaysia. Dalam halaman 11, disebutkan bahawa di Semenanjung Malaysia terdapat 9 jenis haiwan primat yang merangkumi, siamang atau ungka, mawas, lotong, kera atau monyet dan beruk.[25] Tulisan-tulisan lain yang juga sangat penting termasuklah yang dihasilkan oleh Tom Harrisson bertajuk *"A Remarkably Remote Orang-Utan"*, dan yang dihasilkan oleh D.A. Hooijer bertajuk , "*The Orang-Utan in Niah Cave Prehistory*". Selain itu, D.A. Hooijer turut menghasilkan beberapa tulisan lain mengenai haiwan primat iaitu *"Quaternary Gibbons from the Malay Archipelago*" dan "*Quaternary Langurs and Macaques from the Malay Archipelago*".[26]

Haiwan primat yang dikenali sebagai monyet bangkatan atau monyet belanda (*proboscis monkey*) pula menjadi subjek kajian dan tulisan Elizabeth L. Bennett dan Francis Gombek. Buku tulisan mereka, *Proboscis Monkeys of Borneo* diterbitkan pada tahun 1993 dan menjadi antara rujukan penting mengenai haiwan primat ini. Pelbagai aspek mengenai monyet *proboscis* dibincangkan dalam buku yang berketebalan 75 halaman ini. Antaranya termasuklah mengenai

[21] Maryati Mohamed dan Noraini Nasaruddin, *Orang Utan,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
[22] Elizabeth L. Bennett, *The Natural History of Orang Utan*, Kota Kinabalu: Natural History Publication, 1998; G. Kaplan and L. Rogers, *Orang-Utans in Borneo*, UK Press: University of New England, 1994.
[23] Mashhor Mansor, *Orang Utan: Makhluk yang Terancam Kepupusan*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2019.
[24] J.L. Harrison, *The Apes and Monkeys of Malaya (Including the Slow Loris),* Kuala Lumpur: Malayan Museum Pamphlets No 9, 1955.
[25] David J. Chivers (ed.), *Malayan Forest Primates: Ten Years' Study in Tropical Rain Forest*, New York: Plenium Press, 1980, hlm. 11.
[26] Tom Harrisson, "A Remarkably Remote Orang-Utan", *Sarawak Muzeum Journal (SMJ),* Vol. 9, 1960; D.A. Hooijer, "The Orang-Utan in Niah Cave Prehistory", *SMJ*, Vol. 9, 1960; "Quaternary Gibbons from the Malay Archipelago", *ZVRNH*, Vol. 46, 1960; "Quaternary Langurs and Macaques from the Malay Archipelago", *ZVRNH*, Vol. 55, 1962.

lokasi haiwan ini di Borneo, ancaman terhadap haiwan ini serta cara hidup haiwan ini.[27] Haiwan primat yang sama menjadi hasil kajian Joseph Tangah dan Arthur Y.C. Chung dengan buku bertajuk *Monyet Bangkatan di Hutan Bakau Sabah* yang diterbitkan pada tahun 2021.[28] Agak berbeza dengan buku yang dihasilkan oleh Elizabeth L. Bennett dan Francis Gombek, buku ini memberikan perhatian keberadaan dan habitan monyet bangkatan di kawasan hutan bakau di Sabah yang secara keseluruhannya berjumlah 364, 168 hektar.[29] J.C.M Sha (et.al.) turut memberi perhatian kepada haiwan primat ini melalui buku *The Natural History of the Proboscis Monkey* yang terbit pada tahun 2011.[30]

Kamarul Ariffin Hambali dan Wan Norazila Wan Kassim menghasilkan penulisan yang penting bertajuk *Macaca Fascicularis: Kera Ekor Panjang Aspek Ekologi dan Kelakuan*. Sebagaimana yang diungkapkan dalam bahagian prakata buku ini, penulisan yang dihasilkan merupakan jumpaan melalui penyelidikan yang dilakukan ke atas kera ekor panjang di Taman Alam Kuala Selangor. Buku dengan ketebalan 80 halaman ini dibahagikan kepada 10 bab yang merangkumi pelbagai aspek mengenai kera ekor panjang termasuklah taburan geografi, organisasi sosial serta konflik kera-manusia.[31] Maklarin Larkim telah menghasilkan sebuah buku yang cukup menarik bertajuk *Lotong Merah Primat Eksklusif Borneo*. Lotong Merah atau dikenali sebagai *maragang* oleh penduduk tempatan di Sabah merupakan salah satu daripada haiwan primat yang ditemui di Sabah dan buku ini telah dianugerahkan sebagai pemenang Anugerah Buku Umum Ketua Menteri Sabah 2015. Lotong Merah merupakan satu daripada spesis lotong yang ada di Sabah. Selain itu, terdapat juga lotong kelabu, lotong perak dan bangkatan.[32] Dalam bidang konservasi haiwan primat ini, tulisan yang dihasilkan oleh Susan Lappan dan Nadine Ruppert bertajuk "*Primate Research and Conservation in Malaysia"* pastinya sangat penting. Tulisan ini bukan sahaja menyebut mengenai penyelidikan haiwan primat yang berjalan di negara ini, malah turut menyenaraikan beberapa aspek yang sememangnya menjadi ancaman kepada kepupusan haiwan primat termasuk kadar atau jumlah hutan yang semakin mengecil, fragmentasi habitat haiwan primat serta aktiviti memburu dan menangkap haiwan primat.[33]

Secara keseluruhannya, sebahagian besar penulisan mengenai haiwan primat di negara ini kelihantannya banyak bertumpu kepada orang utan. Hal ini pastinya tidak menghairankan kerana kedudukan Borneo (Sabah dan Sarawak) yang menjadi antara salah satu habitat utama orang utan di dunia. Tarikan menghasilkan penulisan ini oleh kalangan saintis dan mereka yang mempunyai kaitan langsung dengan orang utan sangat ketara. Namun dicelah-celah itu, masih ada beberapa penulisan sejarah atau berkaitan dan terhubung kait dengan sejarah turut

[27] Elizabeth L. Bennett and Francis Gombek, *Proboscis Monkeys of Borneo*, Kota Kinabalu: Natural History Publications and Koktas Sabah Berhad, 1993.
[28] Joseph Tangah dan Arthur Y.C. Chung, *Monyet Bangkatan di Hutan Bakau Sabah*, Sandakan: Jabatan Perhutanan Sabah, 2021.
[29] Ibid., hlm. 7.
[30] J.C.M. Sha (et.al.), *The Natural History of the Proboscis Monkey*, Kota Kinabalu: Natural History Publication (Borneo), 2011.
[31] Kamarul Ariffin Hambali dan Wan Norazila Wan Kassim, *Macaca Fascicularis: Kera Ekor Panjang Aspek Ekologi dan Kelakuan,* Kota Bharu, Penerbit Universiti Malaysia Kelantan (UMK), 2019.
[32] Maklarin Larkim, *Lotong Merah Primat Eksklusif Borneo*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.
[33] Susan Lappan and Nadine Ruppert, "Primate Research and Conservation in Malaysia", *CAB Review*, Vol. 14, 2019.

dihasilkan. Meskipun agak kecil jumlahnya, namun ia menunjukkan bahawa haiwan primat seperti orang utan juga mempunyai kepentingan yang tersendiri.

Haiwan Primat Dalam Sejarah dan Tamadun

Perbincangan berikut ini menyentuh mengenai kedudukan haiwan primat dalam sejarah dan tamadun. Penyelidikan yang dilakukan oleh kalangan sarjana di beberapa tamadun awal dunia mendapati bahawa haiwan, termasuk haiwan primat sebagai sebahagian daripada sejarah sosio-ekonomi masyarakat ketika itu. Manusia dan haiwan didapati berdampingan rapat sejak zaman pra-sejarah lagi. Ini dapat dibuktikan daripada bukti-bukti yang terlihat melalui penemuan fosil dan sisa-sisa tinggalan makanan yang ditemui oleh kalangan ahli arkeologi di seluruh dunia. Selain itu, pelbagai jenis haiwan turut dilukis oleh "pelukis-pelukis" zaman pra-sejarah yang menunjukkan pelbagai jenis haiwan termasuklah pelbagai jenis primat. Misalnya di Bhimbetka, India yang merupakan sebuah tapak pra-sejarah yang terkenal terutamanya dengan *rock painting*, daripada sekian banyak haiwan yang tertera di dinding-dinding gua, terdapat kira-kira "…*32 langurs (black face monkey) [and] 1 monkey (Macaca mulatta) (with a red face)*…".[34] Diperkirakan, Bhimbetka menjadi kawasan penempatan manusia sejak sekurang-kurangnya zaman Mesolitik yang dianggarkan berusia antara 8000-2500 SM dan zaman Neolitik antara 2500 SM-300 M.[35] Kedekatan haiwan primat dalam lingkungan kehidupan manusia terus berlangsung pada zaman tamadun-tamadun awal termasuk Mesopotamia dan Mesir.

Monyet merupakan haiwan primat yang telah dikenal pasti menjadi haiwan peliharaan dalam kalangan masyarakat dalam tamadun Mesopotamia. Ketetapan ini diperolehi daripada gambaran pada terakota yang ditemui oleh kalangan penyelidik dalam tamadun ini. Daripada penggalian kalangan ahli arkeologi, telah ditemui patung-patung tanah liat kecil monyet. Monyet-monyet dalam tamadun Mesopotamia terutamanya sekitar 1600 SM hingga 900 SM dikenal pasti dibawa dari Mesir dan India Malah terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa kerajaan Arab Saba (Yaman) atau Ethiopia telah membekalkan haiwan primat ini, terutamanya babun ke Mesopotamia.[36] Marcos Such-Gutiĕrrez yang menghasilkan sebuah penulisan yang menarik mengenai haiwan primat di Mesopotamia mengatakan;

> *The scarcity of attestations to the presence of monkeys in Mesopotamia in general, and during the third millennium BCE in particular, is due to the fact that they were not native to Mesopotamia but brought from the Indus Valley (Harappan culture) or western-central Asia. These monkeys have been identified as the rhesus macaque of northern India or western-central Asia, although other monkeys from the India subcontient might have been known during the third millennium BCE. The first references to monkeys in Mesopotamia during the third*

[34] Meenakshi Dubey-Pathak, "The Rock Art of the Bhimbetka Area in India", *Adoranten*, 2014, hlm. 10. Langur kelabu (Gray Langur) turut dikenali sebagai Hanuman Langur dan Monyet Hanuman. Haiwan ini merupakan "…*old wold monkeys, native to the Indian subcontinent*…". Lihat https://www.britannica.com/animal/langur, diakses pada 16 Februari 2023.


[35] Meskipun begitu, tarikh Mesolitik iaitu 8000 SM masih menjadi perdebatan dan hanya merupakan anggaran umum sahaja. Lihat Ibid., hlm. 19.

[36] Elizabeth Vander Meer, "Monkeys in Ancient Mesopotmia Culture", dlm. https://primatecarewelfare.wordpress.com/2017/06/13/monkeys-in-ancient-mesopotamian-culture, diakses pada 14 Februari 2023.

millennium BCE are found in artistic representations from the Early Dynastic period (c. 2900–2340 BCE) while the earliest mentions in the written sources are documented in the Ur III period (c. 2100–2000 BCE)…[37]

Adalah jelas bahawa dalam keadaan ini, haiwan primat yang terdapat di Mesopotamia di bawa daripada kawasan luar. Hubungan perdagangan dan diplomatik antara Mesopotamia dan Lembah Indus (Mohenjadaro dan Harappa) yang sememangnya telah dikenal pasti itu, turut membawa haiwan-haiwan eksotik dari India. Selain itu, haiwan-haiwan primat turut dibawa dari Afrika sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 1.

Peta 1: Pergerakan Haiwan Primat Dari Lembah Indus dan Afrika ke Mesopotamia dan Eropah



Sumber: "Curious Tail of Monkeys Who Crossed the Ancient World", *The Times*, 10 Disember 2019, diakses pada 16 Februari 2023.

Selain Mesopotamia, haiwan primat termasuk monyet dan babun turut didapati mempunyai 'peranan' tersendiri dalam masyarakat di tamadun Mesir. Tamadun Mesir sememangnya mempunyai sejarah yang cukup menarik mengenai haiwan. Haiwan-haiwan seperti buaya, kucing, dan anjing merupakan antara haiwan-haiwan yang sangat sinonim dalam tamadun ini. Selain haiwan-haiwan itu, haiwan primat seperti monyet dan babun turut diketahui mempunyai pelbagai fungsi dalam kehidupan harian masyarakat ketika itu.

Kajian yang dilakukan oleh Engy El-Kilany dan Maged Rady cukup menarik untuk diberikan perhatian.[38] Dalam kajian ini, mereka telah mengklasifikasikan peranan haiwan primat dalam

[37] Marcos Such-Gutiĕrrez, "The Monkey in Mesopotamia during the Third Millennium BCE", dlm. Bernardo Urbani, Dionisios Youlatos and Andrzej Antczak (eds.), *World Archaeoprimatology Interconnections of Humans and Nonhuman Primates in the Past*, hlm. 419.

[38] Engy El-Kilany and Maged Rady, "Classification of Monkey's Roles Relating to the Daily Life Scenes in Ancient Egypt", *The Journal of the College of Tourism and Hotel*, Mansoura University, Mesir, Vol. 10, Issue 10, Disember 2021.

kehidupan harian masyarakat tamadun Mesir. Kajian yang dilakukan ini pula berdasarkan pemaparan rekod-rekod visual yang ditemui di dinding-dinding piramid di Mesir.

> *Monkeys were prominent animals in ancient Egypt not only because they were considered sacred animals but alsi because they were treated as pets or extensively trained animals. Moreover, they were highly involved in the daily lives of ancient Egyptians.*[39]

Secara keseluruhannya, terdapat lima jenis haiwan primat dalam tamadun Mesir kuno iaitu *babun chacma (Papio Hamadryas), babun anubis (Papio Anubis),* monyet hijau vervet atau lotong cengkung *(Cercopithecus Aethiops),* monyet merah atau monyet patas *(Cercopithecus Patas)* dan beruk barbary (*Macaque)*. Walau bagaimanapun, antara kelima-lima jenis ini, dua jenis yang paling utama dan dominan ialah *babun chacma (P. Hamadryas*) dan monyet hijau vervet.[40] Selain itu, penelitian yang dilakukan terhadap haiwan-haiwan primat ini menunjukkan bahawa ketika monyet-monyet seperti monyet hijau vervet atau lotong cengkung *(Cercopithecus Aethiops)* dan monyet merah atau monyet patas *(Cercopithecus Patas)tidak* mempunyai fungsi keagamaan, babun terutamanya *babun chacma (Papio Hamadryas),* pula merupakan sebahagian daripada kepercayaan yang wujud dalam masyarakat Mesir kuno tersebut. Kepentingan besar haiwan-haiwan primat dalam kehidupan sosio-keagamaan masyarakat Mesir kuno pastinya cukup menarik untuk diberikan perhatian kerana haiwan-haiwan ini tidak berasal dari Mesir sendiri sebaliknya di bawa dari luar. Sama sebagaimana dalam tamadun Mesopotamia, haiwan-haiwan primat dalam tamadun Mesir ini diperolehi melalui hubungan perdagangan dan diplomatik yang berlaku antara tamadun itu dengan tamadun-tamadun dan kawasan luar.

Penelitian yang dilakukan oleh Engy El-Kilany dan Maged Rady ini menjelaskan bahawa populariti haiwan primat sebagai haiwan peliharaan setara dengan kedudukan anjing dalam masyarakat Mesir purba. Malah lebih penting lagi haiwan primat ini didapati terlibat dalam dunia hiburan dan aktiviti mengutip hasil tanaman. Lebih terperinci, haiwan primat di dalam zaman Mesir kuno ini dibahagikan kepada beberapa kategori dan pembahagian ini dilakukan melalui penelitian visual terhadap imej-imej haiwan primat tersebut yang dapat dilihat sama ada dilukis di dinding-dinding piramid dan sebagainya. Antara kategori tersebut ialah haiwan primat sebagai haiwan peliharaan, haiwan primat menunjukkan sifat semulajadi (*natural animal behavior*). Dalam kategori ini, terlihat tiga kumpulan iaitu perilaku agresif, perilaku *locomotor* atau pergerakan terutamanya memanjat dan ketiga *ingestive behavior* iaitu makan. Kategori ketiga ialah haiwan primat sebagai haiwan terlatih yang melakukan pelbagai perbuatan yang disifatkan sebagai "pekerjaan" seperti membawa muatan sebagaimana imej yang terdapat di makam Ni-ankh-pepi dalam era *Old Kingdom*.[41] Kategori keempat menunjukkan haiwan primat sebagai satu bentuk *gifts, booty or offerings*. Imej-imej ini boleh ditemui sama ada di *Old Kingdom* mahupun di *New Kingdom*. Kategori terakhir memaparkan haiwan primat dalam bentuk "*comic representations*" iaitu imej yang menunjukkan haiwan ini sedang menghiburkan kanak-kanak. Sebagai kesimpulan daripada kajian ini, kedua-dua pengkaji mengatakan;

[39] Ibid., hlm. 1.
[40] Ibid., hlm. 2.
[41] Ibid., hlm. 9.

> *Vervet monkeys were commonly represented during the Old Kingdom. Both Hamadryas and Anubis baboon are represented in Old Kingdom scenes, but they were not as common as vervet monkeys at that time. Baboons were frequently represented at tombs of the Middle and New Kingdoms…*[42]

Kisah mengenai haiwan primat dalam tamadun Mesir kuno ini semakin menarik apabila penelitian lanjut dilakukan oleh pelbagai pakar terhadap mumia yang dikenali dengan no kod EA6736 dalam simpanan British Museum. Mumia ini ditemui daripada *Temple of Khons* di Luxor yang ditafsirkan bertarikh 1550 SM hingga 1069 SM (era *New Kingdom*). Mumia EA6736 ini, setelah dilakukan penelitian lanjut merupakan seekor babun (*P.Hamadryas*). Selain kedudukan dan kepentingan haiwan primat ini dalam kehidupan sosial masyarakat Mesir kuno, sebagaimana yang ditunjukkan sebelum ini, haiwan primat terutama babun mempunyai kedudukan dan peranan yang lebih penting dalam kepercayaan. Masyarakat Mesir kuno percaya bahawa babun *"…as one embodiment of Thoth, god of the moon and of wisdom and adviser to Ra, god of the sun*".[43] Babun-babun yang dimumiakan ini pula dikaitkan dengan kalangan raja dan bangsawan. Pada tahun 1906, Theodore M. Davis menemui lima babun mumia di Lembah Diraja (*Valley of the Kings*) yang dikaitkan dengan Raja Amenhotep II atau Raja Horemheb yang merupakan antara pemerintah awal dinasti *New Kingdom*.[44]

Gambar 6: Mumia EA6736



Sumber: https://www.britishmuseum.org, diakses pada 8 Februari 2023

[42] Ibid., hlm. 15.
[43] "Secrets of the Sacred Baboons", *Scientific Americans*, Vol. 325, No 5, November 2021.
[44] Ibid.

Sejumlah teks-teks yang ditemui di tamadun Mesir kuno ini seperti "Teks Piramid" (*pyramid texts*)[45] dan Buku Kematian (*Book of the Dead*)[46] ada menyentuh mengenai haiwan primat dan mengaitkan babun dengan *Ra*.[47] Teks pyramid misalnya menyebut bahawa *"…baboon as the oldest or most beloved son of R*a".[48] Adalah jelas bahawa memumiakan haiwan primat menjadi bukti bahawa pemilik haiwan tersebut berhasrat untuk terus menikmati kebersamaan dengan haiwan tersebut dalam kehidupan selepas matinya. Ini juga membuktikan betapa *"…ancient Egyptians deeply admired and adored monkeys [primate*]".[49] Meskipun pertalian antara babun dengan Ra merupakan antara aspek yang paling penting dalam melihat peranan babun dalam kepercayaan masyarakat Mesir kuno, namun ia bukanlah satu-satunya perkaitan yang ada. Ini kerana kedudukan babun dalam lingkungan amalan kepercayaan orang Mesir kuno turut terjelma di dalam "Dewa Babun" yang dikenali sebagai *Babi* iaitu "*one of the earliest deities*". Selain itu, babun turut terkait dengan *Toth* iaitu "*god of wisdom and knowledge*". [50]

> *The ancient Egyptians regarded monkeys as erotic symbols connected to the cysle of birth, death, and rebirth. Monkeys were closely yet subtly linked to female sexuality. The baboon, on the other hand, was seen as a sacred animal…*[51]

Kehadiran haiwan primat ke dalam tamadun Mesir kuno pernah membingungkan kalangan sarjana. Berbanding dengan pelbagai haiwan lain yang turut mempunyai kedudukan penting dalam kehidupan sosio-keagamaan masyarakat seperti kucing, anjing, burung dan sebagainya yang memang berasal dari Mesir, sementara haiwan primat didapati bukan berasal dari Mesir. Dari manakah asalnya haiwan-haiwan ini? Jika dalam tamadun Mesopotamia, haiwan-haiwan primat telah dikenal pasti di bawa dari Lembah Indus (India) dan Afrika, adakah haiwan-haiwan primat di Mesir turut di bawa dari tempat yang sama? Kajian-kajian mutakhir mengenai hal ini menunjukkan bahawa haiwan primat yang ada di Mesir terutama babun berasal dari kerajaan Punt yang terletak di Ethopia, Eritrea, Djibouti dan Somalia hari ini. Kedudukannya dengan Mesir adalah sekitar 1300 km. Hal ini sangat penting kerana sebelum ini, kedudukan kerajaan Punt yang mempunyai hubungan dengan Mesir masih lagi menjadi persoalan. Kedudukan ini terjawab melalui mumia babun EA6736. Mumia babun EA6736 berjaya menjawab satu daripada misteri sejarah yang gagal diselesaikan sejak ratusan tahun yang lalu. Dalam masa yang sama, perkaitan antara babun dengan Ra menjadi antara faktor penting yang menyebabkan permintaan terhadap babun dan haiwan primat yang lain begitu tinggi di Mesir. Penemuan ini menjadi

---

[45] "*Pyramid Texts, collection of Egyptian mortuary prayers, hymns, and spells intended to protect a dead king or queen and ensure life and sustenance in the hereafter. The texts, inscribed on the walls of the inner chambers of pyramids,…the texts constitute the oldest surviving body of Egyptian religious and funerary writings available to modern scholars*". Lihat "Pyramid Text", https://www.britannica.com/topic/Pyramid-Texts, diakses pada 18 Februari 2023.

[46] "*Book of the Dead, ancient Egyptian collection of mortuary texts made up of spells or magic formulas, placed in tombs and believed to protect and aid the deceased in the hereafter. Probably compiled and reedited during the 16th century BCE, the collection included Coffin Texts dating from* c. *2000 BCE, Pyramid Texts dating from* c. *2400 BCE, and other writings*". Ibid.

[47] "*Ra (also given as Re) is the sun god of ancient Egypt. He is one of the oldest deities in the Egyptian pantheon".* Lihat https://www.worldhistory.org/Ra_(Egyptian_God)/. Selain itu, "*Re, also spelled Ra or Pra, in ancient Egyptian religion, god of the sun and creator god*". https://www.britannica.com/topic/Re

[48] "Secrets of the Sacred Baboons", *Scientific Americans*, Vol. 325, No 5, November 2021.

[49] "Sacred Monkeys in Ancient Egypt", https://www.swanbazaar.com, diakses pada 18 Februari 2023.

[50] Ibid.

[51] Ibid.

buktinya nyata mengenai adanya hubungan antara kedua-dua kawasan yang dianggap sebagai antara *"…one of the most important [early] trade routes in human history*".[52]

Selain itu, babun hidup merupakan "*luxury item*" yang hanya mampu dimiliki oleh kalangan bangsawan dan kaya sahaja. Ini juga menjadi simbol kekayaan dan status sosial seseorang. Penelitian yang dilakukan terhadap mumia babun membuktikan hal ini.

> *…these baboons were cherished pets as well as exotic status symbols. Their presence in royal tombs and the high quality of their mummification-using prodigious lengths of the finest linen-speak to their value. Only the wealthiest Egyptians could afford this superior means of preserving bodies for the afterlife.*[53]

Kisah mengenai haiwan primat dalam tamadun Mesopotamia dan Mesir kuno merupakan bukti jelas kedudukan haiwan ini dalam sejarah. Kelihatannya, kedudukan istimewa haiwan primat dalam sejarah dan tamadun manusia bukan sahaja terhenti di dalam tamadun Mesopotamia dan Mesir kuno sahaja. Ini kerana, di pelbagai tamadun lain juga mempelihatkan kesan yang sama. Di dalam tamadun India, haiwan primat telah menjadi antara darah daging dalam kehidupan beragama kalangan penganut agama Hindu. Hal ini mempunyai kaitan langung dengan *Hanuman* iaitu *monkey god king*. Bukan sahaja agama Hindu, mitologi monyet turut hidup subur dalam agama Buddha sebagaimana yang disebut dalam kitab-kitab *Jataka* yang dianggarkan berusia kira-kira abad ke-3 SM.[54] Mitologi monyet turut tersebar di China dan Jepun. Dalam tamadun China, *monkey god king* atau lebih dikenali sebagai sun wukong merupakan *legendary mythical figure* yang dipopularkan melalui novel abad ke-16 M iaitu *Journey to the West*. Watak ini kemudiannya membudaya dalam kehidupan masyarakat China termasuk menjadi salah satu daripada 12 haiwan yang ada di dalam kalender Cina.[55] Di Jepun, kisah-kisah mengenai monyet berkembang daripada China dan terkait dengan perkembangan agama Buddha.[56]

Dalam Islam sendiri, monyet ada disebutkan dalam Al-Quran. Terdapat tiga ayat di dalam Al-Quran yang menyebut mengenai monyet. Surah Al-Baqarah [2]: 65, Surah Al-Maidah [5]: 60 dan Surah Al-A'raf [7]: 166.

> Surah Al-Baqarah [2]: 65 bermaksud, "Dan sesungguhnya telah kamu ketahui orang-orang yang melanggar diantaramu pada hari sabtu, lalu Kami berfirman kepada mereka: "Jadilah kamu kera yang hina".
>
> Surah Al-Maidah [5]: 60 pula bermaksud: Katakanlah:"Apakah akan aku beritahu kepadamu tentang orang-orang yang lebih buruk pembalasannya dari (orang-orang fasik) itu disisi Allah, iaitu orang-orang yang dikutuki dan dimurkai Allah,

---

[52] "Secrets of the Sacred Baboons", *Scientific Americans*, Vol. 325, No 5, November 2021.
[53] Ibid.
[54] "Japanese Buddhist Statuary: God, Goddesses, Shinto Kami, Creatures and Demons", https://www.onmarkproductions.com, diakses pada 1 Mac 2023.
[55] Lihat Huanliang Lou, "A Comparative Study of the Chinese Trickster Hero Sun Wukong", Dissertation Master of Arts, Duke University, 2016.
[56] "Japanese Buddhist Statuary: God, Goddesses, Shinto Kami, Creatures and Demons", https://www.onmarkproductions.com, diakses pada 1 Mac 2023.

> diantara mereka (ada) yang dijadikan kera dan babi dan (orang yang) menyembah thaghut?". Mereka itu lebih buruk tempatnya dan lebih tersesat dari jalan yang lurus.
>
> Surah Al-A'raf [7]: 166 bermaksud: "Maka tatkala mereka bersikap sombong terhadap apa yang dilarang mereka mengerjakannya, Kami katakana kepadanya: "Jadilah kamu kere yang hina".

Ketiga-tiga ayat Al-Quran yang menyentuh mengenai monyet ini menjelaskan mengenai balasan yang dikenakan kepada kalangan yang derhaka dan tidak mematuhi perintah Allah. Ayat-ayat ini membayangkan kemurkaan Allah terhadap mereka yang mengingkari perintah dan perjanjian yang telah dipersetujui. Dalam kalangan ahli tafsir, ada yang menyebut bahawa ayat dalam Surah Al-Baqarah dan Surah Al-A'raf ini merujuk kepada kalangan orang Yahudi. Saydina Al-Qatadah dalam tafsirnya pula merujuk mereka yang dimurkai dan yang dikenakan sumpahan ini adalah penduduk kota Aylah dan menyebut bahawa kaum ini menjadi monyet/kera yang memiliki ekor.[57] Ibn 'Abbas RA pula sewaktu menjelaskan mengenai ayat dalam Surah Al-Baqarah ini menyebut, "*Sesungguhnya nasib yang menimpa mereka…mereka dikutuk menjadi kera yang sebenar. Kemudian mereka dibinasakan sehingga tidak ada keturunan daripada mereka lagi*".[58]

Dalam kerangkan pemikiran, seorang pemikir, Malik Bennabi[59] dikenali kerana turut menjadikan haiwan primat, beruk sebagai satu simbolik dalam menjelaskan mengenai kedudukan manusia dan peradaban. Beliau mengatakan, *"lebih sukar untuk mengenal dan melahirkan manusia sesuatu peradaban daripada…mengajar seekor beruk mengikat tali leher*".[60] Ungkapan yang kelihatannya cukup enteng inilah yang kemudiannya melahirkan terma "*berukism". Berukism* bermaksud, "…*suatu simbolik kepada sifat kehaiwanan atau kebinatangan yang membelenggu manusia dalam mana-mana peradaban*".[61] Menurut Khairiah Mohd Yassin, antara aspek-aspek yang terangkum di dalam faham *berukism* ialah ia simbol kepada manusia yang berfikiran sempit dan berpandangan dangkal, manusia yang berpenyakit bodoh serba serbi dan berlagak pandai serba tahu, manusia yang senang dalam mempertahankan tradisi kolot, manusia yang mengalami kecelaruan dengan identiti dirinya sendiri, manusia yang tidak memiliki maruah atau harga diri,

---

[57] Kamarul Azmi Jasmi, "Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera: Al-Baqarah (2:62-66)", dlm. Program Budaya al-Quran, Kolej Tun Fatimah UTM, Anjuran Pusat Islam, UTM, 3 Januari 2018, hlm. 11.
[58] Ibid.
[59] Malek Bennabi, lahir pada tahun 1905 di Algeria dan meninggal dunia pada tahun 1973 merupakan seorang ilmuan dan ahli falsafah Algeria, yang menulis tentang masyarakat manusia, khususnya masyarakat Islam dengan tumpuan kepada sebab-sebab di sebalik kejatuhan tamadun Islam. Menurut Malek Bennabi, kekurangan idea-idea baru dalam pemikiran Islam muncul apa yang dia ciptakan kebankrapan tamadun Beliau berhujah bahawa untuk memulihkan semula kehebatannya dahulu, masyarakat Islam perlu menjadi persekitaran di mana individu berasa diberi kuasa. Salah satu tema pokok pemikiran Bennabi ialah tuntutan untuk membangun kesedaran peradaban Islam sebagai strategi kebangkitan umat Islam. Di samping itu, pendekatan sejarah dan sosiologi yang ditawarkan sangat bermanfaat bagi pengembangan pengajian kontemporari yang berasaskan ilmu-ilmu sosial yang sampai hari ini masih cukup penting di kalangan orang Islam. Antara karya utamanya ialah *Wijhat al-'Ālam al-Islami (Vocation de l'Islam - Islam in History and Society), Mīlād Mujtama' (Birth of Society or On the Origins of Human Society), Mushkilat al-Thaqafah (The Question of Culture) dan Shurut al-Nahdah (Prasyarat Kebangkitan, The Conditions of the Renaissance).*
[60] Di petik dalam Khairiah Mohd Yassin, "Faham Beruk Menurut Malik Bennabi dan Perkaitannya dengan Falsafah Pendidikan Negara", *Akademika*, Bil. 87, No 3, Oktober 2017, hlm. 80.
[61] Ibid.

manusia yang mengalami kesonsangan sikap dan pendirian, manusia yang hidup bertopengkan kepalsuan, manusia yang tidak berkeupayaan mencabut kesan-kesan dan faktor-faktor kemerosotan dalam diri dan bangsanya, manusia yang jumud dan manusia yang memiliki elemen kesombongan dan ketakburan diri.[62] Ini bermakna, haiwan primat seperti beruk ini bukan sahaja penting secara fizikal tetapi juga menjadi simbol pemikiran yang cukup dalam maksudnya sebagaimana yang diketengahkan oleh Malik Bennabi ini.

Selain daripada gorila dan chimpanzee, haiwan primat yang banyak mendapat perhatian ialah orang utan. Hari ini, orang utan hanya dapat ditemui di Borneo dan Sumatera. Namun begitu, menurut ahli primat, pada satu ketika, termasuk ketika zaman Pleistosen, taburan orang utan sangat luas yang merangkumi bahagian selatan China hingga ke Asia Tenggara. Selain itu, orang utan turut terdapat di Bhutan Keadaan ini berkekalan sehingga sekurang-kurangnya satu juta tahun yang lalu.[63] Perubahan bentuk muka bumi kerana proses kenaikan air laut yang berlaku telah menyebabkan pentas sunda tenggelam dan tempoh ini menjadi sebab taburan orang utan kini berubah dan hanya ditemui di Borneo dan Sumatera sahaja.[64]

Haiwan Primat Dalam Sejarah Malaysia

Dalam konteks sejarah dan budaya masyarakat Melayu, haiwan primat bukanlah sesuatu yang asing. Lingkungan persekitaran yang dikelilingi dengan hutan yang membentuk hutan hujan tropika, yang turut menjadi habitat haiwan primat ini membolehkan orang Melayu mengetahui sifat dan perbuatan serta kelakuan haiwan ini. Daripada pemerhatian dan pengalaman inilah lahirlah pelbagai panduan dalam bentuk pepatah petitih, peribahasa, bidalan dan perumpamaan yang turut menjadikan haiwan primat ini sebagai simbol dalam pepatah petitih, peribahasa dan perumpamaan tersebut. Antara peribahasa yang mempunyai kaitan dengan sifat dan perlakuan haiwan primat ini ialah "*seperti kera dan monyet*" yang maksudnya "melakukan perbuatan dan tindakan buruk berulang-ulang kali di tempat yang berbeza". "*Seperti monyet mendapat bunga*" yang maksudnya *"memberi sesuatu yang baik sepatutnya pada tempat yang sesuai" atau "tidak tahu menghargai sesuatu yang elok*". Bidalan "*seperti lotong meniti dahan kayu*" yang bermaksud "*tidak menghiraukan keadaan di sekelilingnya*". Bidalan lain yang cukup popular ialah '*anak dipangku diletakkan, berok dihutan disusukan*" yang bermaksud "*urusan sendiri di tinggalkan kerana mementingkan urusan orang lain"*. Bidalan lain yang hampir sama ialah "*anak kera di hutan disusukan, anak dirumah mati kelaparan*". Dalam kalangan orang Semai yang merupakan salah satu kelompok Orang Asli di negara ini turut menjadikan haiwan primat sebagai satu bentuk perlambangan. Penilitian yang dilakukan oleh Saidatul Nornis dan Mohd Rasdi Saamah mengenai hal ini sangat menarik. Berdasarkan kajian mereka, daripada sekian banyak haiwan yang dijadikan subjek dalam perlambangan, haiwan primat mempunyai jumlah terbesar. Sebanyak 6 peribahasa yang berkaitan dengan kera, beruk dan mawas terdapat dalam kalangan masyarakat ini.[65] Antara peribahasa tersebut ialah "*raha rau* (macam kera); *nyenhat*

[62] Untuk perbincangan lengkap lihat Ibid, hlm. 78-84.
[63] Maryati Mohamed dan Noraini Nasaruddin, *Orang Utan*, hlm. 10. Lihat juga Peta 2.
[64] Ibid., hlm. 61.
[65] Saidatul Nornis dan Mohd Rasdi Saamah, "Haiwan Sebagai Perlambangan Dalam Peribahasa Orang Semai", *GEMA Online: Journal of Language Studies*, Vol. 13, No 1, Februari 2013, hlm. 88.

rau (kejahatan kera); *raha weoi* (macam mawas)".[66] Dalam menjelaskan mengenai maksud peribahas ini, Saidatul Nornis dan Mohd Rasdi Saamah mengatakan;

> Peribahasa lain yang melambangkan seseorang yang malas berusaha ialah raha weoi (macam mawas) yang bermaksud orang yang tidak mempunyai tempat tinggal kerana malas berusaha. Masyarakat Semai telah memadankan seseorang yang malas umpama seekor mawas yang tidak mempunyai tempat tinggal yang nyata…raha rau [macam kera] bermaksud seseorang yang kedekut, manakala peribahasa nyenhat rau bermaksud seseorang yang memetik dan merosakkan buah-buahan sesuka hati. Bagi masyarakat Semai, kera (macacus cynomolgus) merupakan haiwan yang mempunyai sifat kedekut dan suka merosakkan buaha-buahan serta hasil tanaman mereka.[67]

Selain itu, haiwan primat turut dimasukkan di dalam pantun seperti;

Kulitlah ketam dipanggang lotong
Panggang di dapur tinggal tulang
Nasibku badan tidak beruntung
Ayam ditambat disambar helang.

Atau pantun yang berbunyi;

Anak beruk di kayu rending
Meniti turun di tepi paya
Hodoh buruk dimata orang
Cantik manis dimata saya

Jika diperhatikan mengenai pepatah petitih, peribahasa, bidalan, perumpaman dan pantun sebagaimana yang disebutkan, semuanya direka dan dihasilkan berdasarkan pengalaman dan pemerhatian kalangan orang tua-tua yang meneliti tingkah laku dan perbuatan haiwan primat ini. Ini merupakan satu bentuk kearifan local (*local genius*) yang cukup luar biasa dan sukar ditandingi. Adalah sangat mustahil untuk melahirkan segala pepatah petitih, perumpamaan dan bidalan ini tanpa mengetahui secara dekat mengenai sifat-sifat haiwan tersebut. Pemaparan haiwan primat dalam bidang kesenian dan kesusasteraan tertonjol dalam pelbagai genre sama ada buku, cerpen mahupun syair. Tokoh seni dan budaya Riau, Bapak Tenas Effendy mengasilkan sebuah syair bertajuk "Syair Beruk" yang antara rangkap-rangkap syair ini berbunyi:



Tersebut kisah beruk di rimba
Duduk berjuntai di tepi paya
Hatinya pilu bercampur duka
Menengok hutan rusak binasa

Beruk dank era duduk termenung
Badannya kurus matapun cekung

[66] Ibid., hlm. 90.
[67] Ibid., hlm. 91.

Hatinya kacau fikiran bingung
Taka da lagi tempat bergantung[68]

Pada bulan Jun 1988, *Dewan Sastera* iaitu majalah yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan cerpen bertajuk "Maharaja Beruk" karya Yahaya Ismail. Cerpen ini telah menarik perhatian ramai sehingga menyebabkan Dewan Sastera "*sold out*" apabila 8,000 naskhah terjual kesemuanya. Cerpen "Maharaja Beruk" hadir ketika politik negara berada dalam keadaan tidak menentu berikutan perseteruan politik di dalam UMNO diikuti kemudiannya dengan 'Operasi Lalang" yang menyebabkan ramai ahli politik, akademik, aktivis sosial di tahan di bawah ISA. Apakah kaitan antara cerpen "Maharaja Beruk" dengan hal ini? Cerpen ini merupakan satu bentuk satira politik yang "memperli" dan menjadikan "*Beruk country*" sebagai simbolnya. Sebagaimana yang telah disebutkan, dalam ruang fikir orang Melayu, haiwan primat termasuk beruk merupakan satu bentuk simbol dan perlambangan yang cukup berkesan. Keadaan ini yang menjadikan cerpen "Maharaja Beruk" menjadi antara cerpen yang luar biasa. Lebih luar biasa apabila editor Majalah di Dewan Bahasa dan Pustaka menerima arahan pertukaran 24 jam apabila pucuk pimpinan negara merasa "kurang senang" dengan cerpen tersebut yang dilihat mengkritik kerajaan.[69] Kejayaan cerpen ini telah menyebabkan Yahaya Ismail kemudiannya menghasilkan buku bertajuk *Maharaja Beruk dan Beruk-Beruk Lainnya* dalam sebuah buku.[70] Kandungan buku ini semuanya mengenai kisah beruk yang bertajuk, "*Beruk Mat Yeh, Nyayian Beruk, Mimpi Maharaja Beruk, Kisah Mek Beruk dan Enam Beruk Bersidang*".[71] Seorang lagi sasterawan yang turut menghasilkan karya dengan menjadikan beruk sebagai "watak penting' ialah Azizi Haji Abdullah. Buku bertajuk *Beruk* telah dipilih sebagai penerima Hadiah Sastera Perdana Malaysia bagi novel kanak-kanak tahun 2011.[72]

Gambar 7: Muka Depan Buku Yahaya Ismail	**Gambar 8: Muka Depan Buku Azizi Haji Abdullah**
	

[68] Tenas Effendy, "Syair Beruk", Dewan Kesenian Riau, 2000. Syair lengkap diselitkan dalam Lampiran 1.
[69] A. Muziru Idham, "Geneologi Satira Maharaja Beruk", *Selangorkini*, 17 Disember 2022. Lihat juga "Bersama Editor Dewan Sastera", https://ms-my.facebook.com/dewansastera/videos/1066842047140730/, diakses 4 Mac 2023
[70] Yahaya Ismail, *Maharaja Beruk dan Beruk-Beruk Lainnya*, Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif, 1988.
[71] A. Muziru Idham, "Geneologi Satira Maharaja Beruk", hlm. 2.
[72] Azizi Haji Abdullah, *Beruk*, Kuala Lumpur: Al-Ameen, 2010.

Selain disebut di dalam pepatah petitih, bidalam, perumpamaan dan pantun, kisah-kisah haiwan primat turut menjadi fokus pengkisahan dalam tradisi lisan masyarakat tempatan yang diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Antara kisah yang sering dituturkan adalah kepercayaan bahawa pada satu ketika orang utan boleh berkata-kata seperti manusia, namun mereka kemudiannya berhenti bercakap kerana bimbang dijadikan sebagai hamba oleh manusia.[73] Dalam kalangan orang Lanoh di Lembah Lenggong, terdapat mitos peperangan antara Raja Mawas dan Raja Siamang yang merupakan dua kumpulan yang berbeza. Peperangan ini telah menjejaskan kehidupan nenek moyang orang Lanoh hingga memaksa mereka menyembunyikan diri. Dalam mitos ini juga terdapat kemunculan Raja Beruk yang berusaha untuk mendamaikan Raja Mawas dan Raja Siamang.[74] Bagi kalangan masyarakat Sabah pula, terdapat mitos mengenai monyet bangkatan atau turut dikenali sebagai monyet Belanda serta *bayau*. Mitos ini menyebut bahawa daging monyet bangkatan mempunyai khasiat yang besar untuk kesihatan dan menjadikannya haiwan buruan.[75]

Dalam kalangan masyarakat tempatan, haiwan primat seperti monyet dan orang utan merupakan haiwan yang "dihormati". Orang utan dianggap sebagai "*our closest relative in the animal kingdom*…".[76]

> *The reddish-coloured ape is perhaps the most intelligent of all animal species and the one which is biologically closest to man. Its name is one of the few terms of Malay origin which have become known throughout the world.*[77]

---

[73] Junaidi Payne and Mahedi Andau, *Orang-Utan Malaysia's Mascot,* hlm. 58. Dalam buku ini turut memuatkan kisah ini didalam bukunya, Orang-Utan Malaysia's Mascot. Kisah yang disebutkan oleh mereka menjadi tradisi orang masyarakat di Borneo. Kisah ini melibatkan seorang pemburu yang telah ditangkap oleh orang utan betina dan berada dalam "tahanan" selama dua tahun. Dalam tempoh ini, pelbagai usaha dilakukan bagi melepaskan diri, namun gagal kerana sarang yang menjadi tempat "tahanan" tersebut berada tinggi diatas pokok. Dalam masa yang sama, orang utan tersebut mengandung hasil hubungan intim dengan pemburu tersebut. Pada satu ketika, lelaki tersebut berjaya memujuk orang utan untuk mendapatkan orang utan untuk mendapatkan rotan panjang, bagi membuat sarang baharu untuk anak yang bakal lahir. Pemburu merancang akan menggunakan rotan tersebut yang membolehkannya turun ke tanah. Ketika orang utan betina keluar mencari makanan, pemburu tersebut berjaya melarikan diri, namun dapat dikesan oleh orang utan yang baru balik daripada mencari makanan. Dalam usaha melarikan diri, pemburu telah terjatuh ke dalam sungai Liwagu, namun berjaya menyelamatkan diri bersama dengan peralatan memburunya termasuk peralatan sumpitannya. Pemburu menyembunyikan diri. Orang utan yang mencari "suaminya" terjumap peralatan yang disembunyikan pemburu, namun kecewa kerana gagal menemui pemburu tersebut. Dengan perasaan sedih, orang utan menikam diri sendiri dengan dat yang beracun dan terkorban. Pemburu yang menyaksikan hal ini daripada tempat persembunyiannya telah bertindak membelah perut orang utan dan ditemui bayi yang masih hidup. Bayi tersebut berupa manusia namun diseliputi bulu diseluruh badannya. Bersama dengan bayi tersebut, pemburu balik ke perkampungannya, namun didapati bahawa semua penduduk kampong telah diserang oleh suku kaum lain. Ramai yang terkorban dan ditawan. Keadaan ini melahirkan perasaan dendam dan berhasrat akan membalas dendam. Beliau telah membesarkan anaknya dan melatih anaknya dengan ilmu pertahanan diri. Setelah cukup umur, pemburu dan anaknya telah bertindak untuk membalas dendam. Mereka berjaya membalas dendam. Walau bagaimanapun, anak pemburu kemudiannya telah mengasingkan diri hingga akhirnya tidak lagi kembali ke perkampungan tersebut. Lihat hlm. 60.

[74] Fatimah Hassan dan Hamid Mohd Isa, "Mitos dan Legenda Sebagai Produk Pelancongan di Malaysia: Kajian Kes Lembah Lenggong", *GEOGRAFIA Online: Malaysian Journal of Society and Space*, Vol. 10, Issue 5, 2014, hlm. 176.

[75] Joseph Tangah dan Arthur Y.C. Chung, *Monyet Bangkatan di Hutan Bakau Sabah*, hlm. 27.

[76] Junaidi Payne and Mahedi Andau, *Orang-Utan Malaysia's Mascot,* hlm. v.

[77] Ibid., hlm. vi.

Bagi kalangan masyarakat di Tengah Borneo misalnya percaya bahawa memandang wajah orang utan akan mengundang nasib malang. Selain itu, dalam sesetengah suku kaum, wanita yang sedang hamil tidak boleh memandang orang utan kerana bimbang anak yang dikandung akan terkena kenan atau tulah orang utan tersebut.[78] Orang tempatan juga, umumnya tidak memburu dan membunuh haiwan-haiwan ini sesuka hati atau untuk tujuan hiburan. Terdapat pantang larang yang perlu dipenuhi. Dalam kalangan orang Dayak misalnya, mengeluarkan kata-kata keji dan kebencian mahupun memperkecil-kecilkan orang utan merupakan pantang larang yang perlu dipatuhi. Jika ini dilakukan, kesalahan itu bukan sahaja bersifat individu, tetapi bersifat komunal yang melibatkan seluruh anggota masyarakat.

> *It is very widely held that anyone who laughs at an animal-or in any way puts it into a position of humiliation or contempt-thereby endangers not just the welfare, but the very existence, of the whole community.*[79]

Daripada perspektif yang lain, haiwan-haiwan primat didapati menjadi sebahagian diet masyarakat sejak sekurang-kurangnya 35,000 tahun yang lalu atau tahap awal zaman paleolitik. Sisa-sisa fosil orang utan telah ditemui di Gua Niah yang merupakan antara petempatan paling awal kalangan masyarakat pra-sejarah di negara ini. Jumpaan di Gua Niah ini sangat signifikan bukan sahaja mengenai diet masyarakat ketika itu, tetapi beberapa hal lain yang berkaitan dengan orang utan.

> *In the Great Caves of Niah, we have excavated cooked Orang bone…The earlier of these Orang remains tend to be longer in the tooth than any known in historic times-indicating a gradual decline in overall size in the past dozen or so millennia. At Niah, there is a high preponderance of female and young, as represented by sexually identifiable teeth and bones. From other evidence we already think that the Stone Age cave-men of Niah had a few devices for catching large arborel animals…There are also indications from the cave earth of Niah that far back in the Stone Age Orangs may have been kept as pets by the cave-men.*[80]

Pada tahun 1972, H.D. Kahlke telah menghasilkan sebuah tulisan yang cukup menarik mengenai orang utan.[81] Beliau cuba mengesan penyebaran orang utan ketika zaman *Pleistocene* kira-kira 2.5 juta tahun hingga 11,700 tahun yang lalu.[82] Sehingga artikel tersebut diterbitkan, beliau mengesan sebanyak 18 fosil orang utan yang diperolehi daripada pelbagai tapak yang melibatkan 7 dari selatan China, 5 dari Vietnam, 3 dari Laos, 1 dari Malaysia (Sarawak), Pulau Jawa sebanyak 3 fosil, Sumatera 3 dan Kalimantan 1.[83] Daripada penelitian yang dilakukan ini, H.D.


---

[78] Ibid., hlm. 58.
[79] Barbara Harrison, *Orang-Utan*, hlm. 25. Lihat juga Maria Schwalbe, Julia Unger and Deborah Belcher, "The History of Orangutan in Captivity".
[80] Ibid., hlm. 11.
[81] H.D. Kahlke, "A Review of the Pleistocene History of the Orang-Utan (Pongo Lacepede 1799)", *Asian Perspective*, Vol. XV, 1972. Walau bagaimanapun usaha untuk mendapatkan tulisan dan kajian terkini mengenai subjek ini tidak berhasil.
[82] "Pleistocene", dlm. https://www.britannica.com/science/Pleistocene-Epoch/Marine-oxygen-isotope-record, diakses pada 1 Mac 2023.
[83] H.D. Kahlke, "A Review of the Pleistocene History of the Orang-Utan (Pongo Lacepede 1799)", hlm. 5.

Kahlke kemudiannya membuat kesimpulan bahawa ketika zaman pleistocene ini, keberadaan orang utan jauh lebih meluas dan berlaku satu pergerakan. Beliau mengatakan;

> *The Pleistocene distribution-area hitherto known from fossil records seems to be only a part of the area once inhabited by early Pongo; we may confidently infer that Pleistocene Pongo-populations also were living in the more westerly parts of southern Asia (Burma, India), as is suggested by corresponding Pleistocene fauna associations in both areas.*[84]

Peta 2: Penyebaran Orang Utan Zaman Pleistocene, 2.5 -11,700 tahun



Sumber: H.D. Kahlke, "A Review of the Pleistocene History of the Orang-Utan (Pongo Lacepede 1799)", *Asian Perspective*, Vol. XV, 1972, hlm. 10.

Hal yang sama disebutkan oleh seorang pengkaji lain yang menyebut bahawa;

> *Until the end of the Pleistocene, the orang-utan occurred in mot of the lowland forest areas of the vast Sundaland plateau which straddled the Asian continent south of the Himalaya Range. In terms of latitude, its distribution range stretched from the Siwalik plateau in northern India and the foothills of the Wuliang Shan*

[84] Ibid., hlm. 9.

mountain range in Yunnan, southern China, all the way south to what is now the island of Java, covering an expanse of least some 1.5 million km.[85]

Keberadaan dan kewujudan orang utan tidak banyak diketahui sehingga sekurang-kurangnya abad ke-17. Sebelum nama istilah orang utan menjadi popular dan diterima serta digunakan hari ini, terdapat beberapa nama lain yang digunakan. Bagi kalangan orang Kelantan, nama yang digunakan ialah mawas.[86] Menyebut mengenai mawas agak menarik kerana terdapat kepercayaan dalam kalangan masyarakat tempatan bahawa mawas lebih sebagai makhluk misteri yang berbeza sama sekali dengan orang utan dan adakalanya dirujuk sebagai orang mawas. Berdasarkan kepercayaan ini, mawas merupakan makhluk yang memiliki parang di lengan kanan dan batu asah di lengan kiri. Lengan itu dijadikan sebagai peralatan untuk menetak dahan-dahan pokok. Selain lengan, tulang betis mawas juga terdiri daripada tulang yang keras seperti besi. Mawas tidak mempunyai ekor dan berjalan seperti manusia, hanya kakinya terbalik iaitu tumitnya di depan dan jarinya menghala ke belakang sementara hidungnya pula mengarah ke atas. Bentuk fizikal menyerupai manusia dengan berbulu perang dan di kepalanya terdapat damar yang menyala. Kisah mengenai mawas sememangnya banyak diceritakan oleh generasi sebelum ini dan kini ia banyak dimuatkan di dalam blog dan sosial media.[87] Daripada kisah dan kepercayaan inilah lahirnya peralatan tulang mawas. Dalam dunia realiti, tulang mawas merupakan peralatan besi yang dipercayai digunakan untuk aktiviti perlombongan atau pembuatan kapal.[88] Namun dalam dunia mistik, tulang mawas turut dirujuk sebagai besi yang diambil daripada sumsum tulang mawas. Besi ini boleh dijadikan senjata sama ada keris, pedang, badik, lembing dan sebagainya dan senjata tersebut akan menjadi sangat beracun dan berbisa.

Gambar 9: Tulang Mawas



Sumber: http://www.muziumnegara.gov.my/ms/tulang-mawas

Bagi masyarakat di Borneo terutamanya dalam kalangan masyarakat Dayak di Sarawak, nama yang digunakan terhadap orang utan ialah *maias* atau *mias*.[89] Di Sabah, orang utan turut dipanggil sebagai *kogyu* atau *kogui* oleh orang Kadazan.[90] Kalangan orang Murut memanggilnya

[85] Hlm. 17.
[86] Maryati Mohamed dan Noraini Nasaruddin, *Orang Utan*, hlm. 1.
[87] https://akuanakpahang.blogspot.com/2019/04/info-mawas-besi-keris-tulang-mawas.html; "besi Tulang Mawas", https://www.facebook.com/story., diakses pada 3 Mac 2023. Daripada kisah dan kepercayaan ini, maka jelas mawas yang dimaksudkan sangat berbeza dengan maksud mawas yang dirujuk sebagai orang utan tersebut oleh sebahagian masyarakat. Mawas dalam kisah ini lebih merupakan makhluk misteri seperti kisah "*bigfoot'*.
[88] "Tulang Mawas", http://www.muziumnegara.gov.my/ms/tulang-mawas, diakses pada 3 Mac 2023.
[89] Barbara Harrison, *Orang-Utan* , Lihat bahagian "Explanatory Note".
[90] Ibid., hlm. 23.


sebagai *kahui* dan orang Sungai di Sabah sebagai *kisau*. Ada juga yang memanggilnya sebagai beruk merah.[91] Carl Linnaeus iaitu seorang ahli alam semulajadi (*naturalis*) Sweden yang hidup antara tahun 1707 hingga 1778 serta menghasilkan *System of Nature* pada tahun 1758 menggunakan istilah "*Homo nocturnus*" atau "*Homo sylvestris orang-outang*" untuk merujuk kepada orang utan. Penggunaan istilah orang utan dalam keperluan saintifik didapati digunakan pertama kali oleh Nicholas Tulp pada tahun 1641 walaupun beliau sebenarnya merujuk kepada cimpanzi di Angola. Istilah ini kemudiannya dipopularkan oleh Jacob Bontius[92], seorang doktor Belanda yang berada di Pulau Jawa dan menyebut bahawa haiwan ini berada di Sumatra dan Borneo.[93]

Antara laporan awal mengenai orang utan ialah tulisan Daniel Beeckman dalam *A Voyage to and from the Island of Borneo* pada tahun 1714. Antara lain beliau menyebut;

> *The Monkeys, Apes and Baboons are of many different Sorts and Shapes; but the most remarkable are those they call Oran-ootans…these grow up to be six Foot high; they walk up-right, have longer Arms than Men, tolerable good faces…large Teeth, no Tails…They are very nimble footed and mighty strong; they throw great Stones, Sticks, and Billets at those Persons that offend them.*[94]

[91] Maryati Mohamed dan Noraini Nasaruddin, *Orang Utan*, hlm. 1.
[92] Juga ditulis Jacob de Bondt. Lihat Junaidi Paayne and Mahedi Andai, *Orang-Utan Malaysia's Mascot,* hlm. 53.
[93] Barbara Harrison, *Orang-Utan* ,hlm. 12. Tulisan Maryati Mohamed dan Noraini Nasaruddin mengenai asal usul nama orang utan agak menarik. Mereka menulis, "*Pada asalnya, dalam tahun 1766, orang utan diberi nama simian satyrus. Simia bermaksud beruk dan satyrus merujuk kepada tujan kaum Sylvia…Imej yang tidak tepat ini ditukar pada awal abad ke-20 apabila orang utan dinamai pongo pygmaeus. Pongo berasal daripada perkataan Afrika mpongwe merujuk kepada beruk tempatan, iaitu Gorilla pygmaeus bermakna orang kerdil (pygmy)*". Lihat Ibid., hlm. 19-20. Meskipun tarikh yang diberikan mengenai permulaan penggunaan nama/tulisan orang utan disebutkan sebagai 1641, namun menurut Junaidi Payne dan Mahedi Andai, penulisan terawal mengenai orang utan sebenarnya berlaku pada tahun 1631 apabila ia dieja sebagai orang outing. Namun demikian, kedua-dua penulis ini tidak pula menyebut lebih lanjut mengenainya. Lihat, Ibid., hlm. 16.
[94] Dipetik dalam Ibid., hlm. 13.

Gambar 10: Orang Utan yang dieja Oran-Ootan



Sumber: Fort Margarita, Kucing. Foto oleh Anis Nabila, 20 Februari 2023

Sejak pertengahan abad ke-18 hingga abad ke-19, pelbagai laporan saintifik mengenai orang utan telah dilakukan dan laporan serta penerbitan ini telah banyak mendedahkan pelbagai aspek mengenai haiwan primat ini. Perhatian serta minat terhadap haiwan primat termasuk orang utan pada abad ke-19 pastinya mempunyai kaitan dengan buku yang dihasilkan oleh Charles Darwin dan Alfred Russel Wallace. Hasil tulisan Charles Darwin, *The Origins of Species* yang diterbitkan pada tahun 1858 merupakan buku kontroversi yang mengaitkan asal kejadian manusia sebagai satu bentuk evolusi daripada haiwan primat. Kontroversi yang panjang ini secara tidak langsung telah "mempopularkan" haiwan primat, sama ada monyet atau beruk.[95] Kalangan ahli sains dan biologi mula semakin giat melakukan kajian dan penyelidikan terhadap haiwan ini. Dalam keadaan inilah, kehadiran Wallace ke Borneo dan seterusnya menghasilkan *The Malay Archipelago* mempunyai kaitan langsung dengan orang utan. Buku *The Malay Archipelago* telah diterbitkan pertama kali pada tahun 1869 setelah berada di pelbagai lokasi di rantau Alam Melayu antara tahun 1854 hingga 1862. Adalah jelas, tarikan utama Wallace ke Borneo adalah orang utan dan di dalam buku tersebut, tiga bab awal iaitu bab 4-6 menyentuh mengenai perjalanan dan penyelidikannya di Borneo. Malah bab 4 didedikasikan sepenuhnya kepada orang utan.[96]

[95] Perbahasan mengenai hal ini pernah menghebohkan dunia academia dan pelbagai tulisan lanjutan mengenainya telah dilakukan. Antara tulisan yang dikira penting ialah tulisan Maurice Bucaille, *What is the Origin of Man?The Answer of Science and the Holy Scriptures*, Paris: Seghers, 1984. Buku ini kemudiannya diterjemahkan ke dalam banyak bahasa lain dan menjadi antara rujukan penting dalam subjek ini.

[96] Alfred Russel Wallace, *The Malay Archipelago*, Oxford: John Beaufoy Pub., 2009.

Gambar 11: Garisan Wallace dan Garisan Weber



Sumber: https://ayoguruberbagi.kemdikbud.go.id/rpp/sebaran-flora-dan-fauna-di-indonesia, diakses pada 1 Mac 2023

Ketika Wallace menembak dan membunuh orang utan atas nama saintifik dan keperluan untuk mengetahui anotomi haiwan primat tersebut, terdapat juga kalangan orang Eropah yang memburu dan menambak orang utan atas nama *sport* dan keseronokan. Antaranya ialah Kapten Rodney Mundy yang menulis;

> *Whilst employee in taking these bearings, word was brought of more orang outangs, so off I set forgetting geography in the ardour of sport. It was –to my disappointment-another female with her young. The young one was shot in the arms of the parent, which when severely wounded let it go, then twisting the boughs into a nest quietly seated herself, and in a short time expired without falling, and causing us considerable trouble to get her down, for the tree was lofty and difficult to climb.*[97]

Tindakan dan perbuatan yang sama dilakukan oleh Frederick Boyle yang menulis *Adventures Among the Dyaks of Borneo* pada tahun 1865 serta Kapten Henry Keppel yang dikenali kerana usahanya membenteras "lanun" di Sarawak yang turut menjalankan aktiviti ini. Seorang pemburu dan pengumpul haiwan, William Hornaday yang turut terlibat mewujudkan New York Zoo, pada tahun 1878 bertanggung jawab membawa sekurang-kurangnya 40 orang utan yang telah mati dan masih hidup keluar dari Sarawak.[98]

[97] Barbara Harrison, *Orang-Utan*, hlm. 20.
[98] Ibid., hlm. 22.

Ketika orang Eropah sangat bergantung kepada senjata api untuk menembak orang utan, orang tempatan mempunyai teknik yang berbeza untuk menangkap orang utan.

> *Having discovered the animal in a tree, they approach without disturbing him, and as quietly as possible cut down all the trees round the one he is in. Being previously provided with poles, some with nooses attached to the ends and others forked, they feel the isolated tree, and the mias confused, entangled, is the beset by his pursuers, noosed, forked down and made captive.*[99]

Selain itu, memburu orang utan dengan menggunakan sumpitan turut digunakan secara meluas di Borneo. Hal ini disebutkan dalam tulisan L.W.W Gudgeon yang menghasilkan *British North Borneo* pada tahun 1913. Dalam tulisan ini, penduduk tempatan menyumpit orang utan yang datang memakan buah-buahan di perkampungan mereka.[100]

Permintaan terhadap orang utan hidup untuk memenuhi permintaan zoo di seluruh dunia sememangnya sangat tinggi sejak sekurang-kurangnya penghujung abad ke-19 hingga dekad-dekad awal abad ke-20. Telah disebutkan mengenai William Hornaday yang membawa orang utan hidup untuk diletakkan di zoo di New York. Keadaan ini menyebabkan usaha menangkap orang utan hidup telah meningkat. Keadaan ini dipermudahkan kerana sehingga tahun 1946, tiada undang-undang konservasi yang mampu digunakan untuk menghalang penangkapan orang utan di Sarawak dan Sabah. Hanya selepas Perang Dunia Kedua, apabila kedua-dua wilayah diletakkan di bawah British, maka undang-undang konservasi telah mula dilaksanakan. Daripada sejumlah orang utan yang dibawa ke luar dari Borneo, sebahagian mati dalam perjalanan dan bagi yang hidup dan sampai ke destinasi, hanya satu daripada lima ekor akan hidup lebih daripada 3 tahun. Harga menangkap dan membawa seekor orang utan ke United Kingdom dan Amerika Syarikat sehingga 1960-an hanyalah £2000.[101] Sehingga ke hari ini, memburu dan menangkap haiwan primat termasuk orang utan masih terus berjalan. Susan Lappan dan Nadine Ruppert dalam penulisan mereka menyebutkan bahawa haiwan primat termasuk orang utan diburu dan ditangkap untuk memenuhi permintaan daripada pelbagai pihak. Mereka menyebut;

> *In Malaysia, primates are also hunted for use in traditional medicines, or kept as pets working monkeys for harvesting coconuts or in the entertainment industry. Prior to the 1980s, M. fascicularis were also captured in large numbers for legal export as laboratory animals.*[102]

Aktiviti menangkap orang utan secara berterusan menjadi antara punca haiwan ini semakin pupus. Ini diikuti kemudiannya dengan pemusnahan tempat tinggal haiwan ini, pembukaan kawasan hutan untuk tujuan pembangunan, petempatan, perbandaran dan untuk tujuan komersil. Malah terdapat juga satu hipotesis yang kelihatannya agak ekstrim yang menyebut bahawa pengurangan jumlah orang utan adalah kerana aktiviti kanibalisme.

---

[99] Ibid., hlm. 20.
[100] Ibid., hlm. 23.
[101] Ibid., hlm. 24.
[102] Susan Lappan and Nadine Ruppert, "Primate Research and Conservation in Malaysia", hlm. 4.

> …penurunan bilangan orang utan juga mungkin disebabkan ia telah digunakan sebagai ganti kepala manusia dalam budaya memotong kepala di kalangan beberapa suku kaum di Borneo. Pada beberapa suku kaum di Borneo juga wujud budaya kanibalisme (budaya memakan daging manusia) yang mungkin kemudiannya digantikan dengan memakan daging orang utan.[103]

Walau bagaimanapun, sejauhmana kebenaran hipotesis ini tidak dapat dipastikan dan sehingga kini, tiada bukti-bukti jelas untuk membuktikan hal ini.

Selain orang utan, antara haiwan primat yang cukup signifikan dalam sejarah sosiol dan ekonomi kalangan penduduk di negara ini ialah *pig-tailed macaque* atau beruk. Usaha untuk mengesan dan mengetahui asal usul perkataan beruk masih sukar dimuktamadkan. Namun setidak-tidaknya, J. L. Harrison dalam bukunya *The Apes and Monkeys of Malaya* mengatakan ada kemungkinan nama beruk diperolehi daripada suara haiwan ini yang mendengus. Beliau menyebut, *"The alarm note is a deep grunt from which the name Berok presumably comes*".[104] Dalam aspek ekonomi, beruk seringkali dikaitkan dengan usaha mendapatkan buah kelapa terutama dalam kalangan masyarakat di pantai timur Semenanjung Malaysia. Bagi kalangan pengusaha kelapa, beruk merupakan haiwan yang sangat penting kerana tanpa beruk, maka usaha untuk mengambil buah kelapa pasti akan menjadi sukar. Ketika di sesetengah tempat, mengambil buah kelapa dilakukan dengan menggunakan galah panjang yang dihujungnya diikatkan dengan sabit. Kaedah yang dikenali sebagai mengait buah kelapa ini sering ditemui di bahagian pantai barat Semenanjung Malaysia. Kaedah ini memerlukan kemahiran tinggi tukang kaitnya terutama apabila pokok kelapa yang dikaitkan menjulang tinggi hingga mencapai 20 hingga 30 meter. Namun di kawasan lain, kaedah mengambil buah kelapa dengan beruk dilakukan. Beruk yang dianggap sebagai haiwan *"cerdik, boleh diajar dan boleh buat kerja*"[105] akan digunakan untuk mengambil buah kelapa di atas pokok sebelum menjatuhkannya. Cara ini merupakan antara cara yang cukup unik dan sangat bergantung kepada kemampuan pemilik haiwan mengendalikan haiwannya. J. L. Harrison menyebut;

> *This species is commonly tamed and made to work for a living by collecting coconuts. The monkey is sent up the palm, usually on a long string, and examines each nut in turn. Suitable nuts are indicated by the master, either by a word or by a twitch on the string, and the monkey then turns the nut until it breaks off and falls.*[106]


Dalam keadaan semasa, menternak dan melatih beruk serta menjinakkannya turut menjadi sumber pendapatan bagi sesetengah pihak. Keadaan ini agak lebih ketara di negeri Kelantan yang sememangnya dikenali dengan kemahiran beruk mengambil buah kelapa. Penternak beruk, Yasin Awang yang menetap di Kampung Merbau, Bachok menyatakan bahawa menjinakkan beruk perlukan kemahiran serta kesabaran yang tinggi. Seekor beruk yang mahir mampu memetik buah kelapa antara 200 hingga 300 biji sehari.[107]

---

[103]Maryati Mohamed dan Noraini Nasaruddin, *Orang Utan*, hlm. 62.
[104] J. L. Harrison, *The Apes and Monkeys of Malaya*, hlm. 13.
[105] Tuan Ahmad Tuan Loden dlm. "Raja Kelapa", https://www.youtube.com, diakses pada 3 Mac 2023.
[106] J. L. Harrison, *The Apes and Monkeys of Malaya*, hlm. 13
[107] "Kedai Kopi Beruk", *Harian Metro*, 13 Ogos 2019.

Dalam bidang sosial, beruk serta haiwan primat yang lain seringkali menjadi simbol atau perlambangan dalam pelbagai aktiviti. Dalam kerangka fikir orang Melayu, haiwan primat termasuk monyet dan beruk seringkali ditanggapi dengan perbuatan atau perkara negatif. Ini telahpun ditunjukkan dalam beberapa perumpamaan sebelum ini. Malah dalam aktiviti harian sekalipun, sesuatu perbuatan yang kurang menyenangkan akan dikaitkan dengan haiwan primat ini. Hal ini pernah menjadi berita hangat di negara ini pada tahun 2008 apabila Khairy Jamaludin yang ketika itu memegang kedudukan sebagai Timbalan Ketua Pemuda UMNO menyifatkan mereka yang terlibat dengan aktiviti Bersih sebagai beruk. Beliau antara lain menyebut, "*Don't be like beruk (monkeys) on streets*". Ungkapan ini telah menerima bantahan daripada pemimpin DAP yang menyifatkan bahawa perkataan beruk yang digunakan oleh KJ itu tidak dapat diterima.[108] Lebih dramatik, tindakan haiwan primat yang "terkinja-kinja" turut dipaparkan dalam sebuah lukisan yang dijuluki berjudul *Parlimen Beruk*. Lukisan ini merupakan hasil karya Pelukis Diraja Selangor, Datuk Azman Yusof yang memaparkan keseluruhan anggota Dewan Rakyat Parlimen Malaysia yang terdiri daripada pelbagai spesis beruk dan katak. Hanya tiga individu dalam lukisan itu yang tidak digambarkan sebagai beruk atau katak iaitu Tuan Speaker dan dua pegawai Dewan. Lukisan ini disifatkan sebagai simbolik dengan maksud tingkah laku wakil rakyat yang tidak sepertinya dan ada juga antara mereka yang melompat parti. Lukisan ini telah berjaya menarik perhatian Duli yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang telah berkenan membeli lukisan tersebut.[109]

Gambar 12: Lukisan Parlimen Beruk



Sumber: https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lukisan-dewan-rakyat-dipenuhi-monyet-babun-katak-jadi-pilihan-sultan-selangor-356427, diakses pada 3 Mac 2023.

[108] "Khairy Declines Commnet Over 'Beruk' Remark Apology", dlm. https://www.malaysiakini.com, 5 May 2008.
[109] Lihat "Sultan Selangor Beli Lukisan 'Parlimen Beruk", *Berita Harian*, 12 April 2022. Lihat juga Izmil Amri, "Ulasan Buku: Parliament, Unexpected", *Suaranadi Penang Institute*, 13 May 2022.

Apabila meneliti Jata Negeri Selangor, akan terlihat dua bilah keris yang mempunyai signifikasi besar dalam sejarah negeri. Jata negeri Selangor menunjukkan tulisan khat "Selangor" di bahagian atas dicipta dengan Lembing Sembuana di tengah-tengah membentuk puncak dan diapit oleh **Keris Panjang Beruk Berayun** di sebelah kiri manakala di sebelah kanan ialah **Keris Terapang Gabus**. Lembing dan kedua-dua keris merupakan di antara Alat-alat Kebesaran Negeri Selangor. Bulan Sabit dan Bintang Berbucu Lima berwarna kuning diterapkan pada lakaran tersebut. Tulisan khat "Dipelihara Allah" adalah Cogan Kata Negeri Selangor ditulis di bahagian bawah lakaran. Bengkung di bawah Cogan Kata merupakan pengikat Jata Negeri yang juga digunakan sebagai pengikat pinggang pahlawan-pahlawan zaman dahulu. Di bawahnya adalah Tali Batung yang merupakan salah satu senjata zaman dahulu. Reben kuning dengan tulisan "Selangor" merupakan dasar kepada rekabentuk lakaran keseluruhan Jata Negeri.[110]

Gambar 13: Jata Negeri Selangor



Sumber: https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/128?mid=669

Keris Panjang Beruk Berayun merupakan alat kebesaran Diraja Selangor yang digunapakai di dalam Adat Istiadat Pertabalan. Terdapat ungkapan yang dituturkan bagi menggambarkan kehebatan keris tersebut iaitu, "*Pantang di gerak pantang diayon, Bisanya menyenak hingga ke ubun-ubun*". Nama keris yang unik dan dikaitkan dengan haiwan primat dipercayai mempunyai kaitan dengan legenda asal usul keris tersebut yang pertama kali ditemui dalam milikan monyet

[110] Sumber: https://www.selangor.gov.my/index.php, diakses pada 3 Mac 2023.

besar (beruk) yang sedang berayun dari cabang pokok dan menggunakan keris tersebut untuk menyerang dan membunuh 99 orang. Keadaan ini telah menggemparkan penduduk dan salah seorang penduduk, dengan memakai pakaian yang diperbuat daripada kayu sebagai baju perisai dibadannya telah bertarung dengan beruk tersebut. Dalam pertarungan itu, keris yang digunakan oleh beruk terpacak pada baju yang digunakan oleh lelaki tersebut dan mengambil kesempatan dari hal itu, telah berjaya membunuh beruk ganas yang bermaharajalela dan seterusnya merampas keris yang kemudiannya dinamakan Keris Beruk Berayun. Keris ini turut dipercayai digunakan sebagai senjata terhadap seseorang yang telah dijatuhkan hukuman mati. Dalam realiti sejarahnya, keris ini telah diterima oleh Sultan Alauddin Suleiman Shah semasa kemangkatan Sultan Abdul Samad pada tahun 1898.[111]

Kesimpulan

Hubungan erat antara manusia dan haiwan termasuklah haiwan primat telah wujud sejak sekian lama. Hubungan ini dapat dilihat sepanjang zaman dalam perkembangan sejarah. Bukti-bukti fosil dan sisa-sisa makanan menunjukkan sejak zaman pra-sejarah, haiwan primat telah menjadi sebahagian diet manusia. Dalam masa yang sama, haiwan ini turut menjadi haiwan peliharaan dan permainan. Kemampuan manusia untuk menjinakkan haiwan primat ini membolehkan haiwan-haiwan ini tinggal bersama dengan manusia. Keadaan yang berlaku ketika zaman pra-sejarah ini terus menerus berlaku ketika zaman sejarah dan zaman tamadun-tamadun awal. Perbincangan ini membuktikan betapa haiwan primat seperti monyet dan babun menjadi haiwan yang sangat penting dalam sejarah sosio-keagamaan dalam tamadun Mesopotamia dan Mesir kuno. Haiwan primat juga kekal abadi dalam kepercayaan agama Hindu melalui hanuman. Bagi orang Cina, kisah wu kong sangat sinonim dengan budaya dan kesusasteraan China dan kini menjadi sebahagian daripada budaya popular.

Dalam konteks negara ini, haiwan primat yang dominan ialah orang utan. Selain itu, monyet dan beruk turut mempunyai peranan dan fungsi tersendiri dalam sejarah harian masyarakat. Generasi terdahulu yang sememangnya mempunyai kehidupan dalam lingkungan persekitaran yang masih diselimuti kawasan hutan sememangnya agak rapat dengan pelbagai jenis haiwan. Mereka melihat serta berpengalaman dengan tabiat dan perlakuan haiwan dan daripada sini telah melahirkan pelbagai pepatah petitih dan perumpamaan. Sifat dan perlakuan haiwan ini menjadi contoh tauladan bagi mereka dalam menjalani kehidupan harian. Selain itu, dalam lingkungan masyarakat yang masih bersifat “lisan” dimana kisah-kisah diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi secara lisan, terdapat kisah-kisah haiwan yang diceritakan. Di Borneo, kisah pemburu dengan orang utan menjadi kisah yang diceritakan dan diperturunkan. Selain itu, dalam kalangan masyarakat tempatan, terdapat rasa “hormat” kepada pelbagai haiwan ini. Terdapat pantang larang yang tertentu yang dilaksanakan. Aktiviti memburu juga dilakukan dengan tata cara yang tertentu. Malah dalam sesetengah masyarakat, membunuh haiwan primat merupakan satu bentuk kepantangan selagi haiwan tersebut tidak mengganggu kehidupan manusia. Selain itu, haiwan primat terutamanya orang utan, monyet dan beruk turut mempunyai “fungsi” tersendiri dalam sosio-ekonomi masyarakat. Beruk misalnya sangat penting dalam industry pemungutan buah kelapa terutama di pantai timur Semenanjung Malaysia. Beruk yang telah

[111] “Sejarah Keris Panjang Berok Berayon-Kesultanan Selangor”, dlm. https://wangsamahkota.wordpress.com, diakses pada 3 Mac 2023. Perlu ditekankan bahawa keperihalan mengenai keris beruk berayun ini diambil berdasarkan sumber ini sebagai satu alternatif tambahan mengenai kisah asal usul nama keris ini.

jinak dan dilatih akan mampu menurunkan sehingga 200 ke 300 biji buah kelapa sehari. Beruk, monyet dan haiwan primat yang lain turut menjadi watak-watak penting di dalam pelbagai genre kesusasteraan dan kesenian. Mereka muncul dalam buku yang dihasilkan oleh Yahaya Ismail atau Azizi Haji Abdullah. Mereka menjadi "watak" penting dalam lukisan "Parlimen Beruk" dan nama haiwan primat turut abadi dalam peralatan termasuk dalam keris diraja kesultanan Selangor.

Lampiran 1
Syair Beruk oleh Tenas Effendy

I

1. Dengan bismillah membuka kata
   Merangkai syair negeri tercinta
   Mengisahkan nasib rakyat jelata
   Di negeri Pelalawan asalnya kita

2. Dahulu di sini hutannya lebat
   Tanahnya luas dimiliki rakyat
   Hidup sentosa beroleh rahmat
   Rukun dan damai laut dan darat

3. Hutan dan tanah mereka jaga
   Suak dan sungai sama dipelihara
   Hasilnya banyak tiada hingga
   Rakyatpun hidup dalam sejahtera

4. Sekarang zaman sudah berubah
   Hutan yang lebat habis dirambah
   Rakyat memekik kehilangan tanah
   Hewan di rimba berkeluh kesah

II

5. Tersebut kisah beruk di rimba
   Duduk berjuntai di tepi paya
   Hatinya pilu bercampur duka
   Menengok hutan rusak binasa

6. Beruk dank era duduk termenung
   Badannya kurus mataoun cekung
   Hatinya kacau fikiran bingung
   Taka da lagi tempat bergantung

7. Demikian pula rusa dan kijang
   Sedihnya bukan alang kepalang
   Hutan yang lebat dirambah orang

Kemana lagi hendak menumpang

8. Rimba yang lebah sudah meranggas
   Bumi yang sejuk rasanya panas
   Gajah mengaruk babi mengganas
   Orang dikampung bertambah cemas

9. Kepung Sialang sudahlah punah
   Lebah menangis hatinya gundah
   Beruk meratap burungpun pindah
   Taka da lagi tempatnya singgah

10. Hutan dan tanah semakin pupus
    Dibantai orang terus menerus
    Hewanpun lari bertungkus lumus
    Hidup merana harapan putus

11. Suak dan sungai turut tercemar
    Dibantai limbah pabrik yang besar
    Ikan habis hiduppun sukar
    Banyaklah makhluk menahan lapar

12. Beruk termenung hatinya pilu
    Menengok orang datang menderu
    Tak tahu lagi bangsa dan suku
    Merambah hutan hilir dan hulu

13. Orang datang berduyun-duyun
    Membagi tanah membuat kebun
    Ada yang tamak bagaikan lanun
    Sedikitpun tidak bersopan santun

14. Beruk melihat hatinya duka
    Mengenang nasib rakyat di Desa
    Hutan tanahnya diambil paksa
    Hendak melawan tidak berdaya

15. Beruk merenung hati gelabah
    Melihat nasib rakyat yang susah
    Hendak berladang taka da tanah
    Ikan pun habis dibantai limbah

16. Beruk menangis hati gelorat
    Menengok derita sengsara rakyat
    Hendak bercakap mulut disumbat
    Apabila melawan tangan diikat

17. Sudahlah nasib dirundung malang
    Rimba habis tanahpun hilang
    Jangankan lagi hendak berladang
    Mencari kayu juga dilarang

18. Tanah wilayah licin dan tandas
    Dusun pun habis kubur dilibas
    Rakyat menengok hatinya panas
    Kemana mengadu semuanya kandas

    III

19. Sekarang Pelalawan jadi Kabupaten
    Sayang hutannya sudahlah licin
    Tanah berpindah ke orang lain
    Ada yang merampok ada berizin

20. Kabupaten Pelalawan sudah berdiri
    Rahmat Allah kita syukuri
    Besarlah harapan di dalam hati
    Untuk membangun negeri sendiri

21. Kita berdoa kepada Allah
    Kabupaten ini diberi berkah
    Supaya nasib segera berubah
    Karena lah lama rakyatnya susah

22. Karena itu wahai saudara
    Mari bersatu bekerjasama
    Berusaha dengan sehabis daya
    Membangun kampung membina Desa

23. Jauhkan sifat berpecah belah
    Supaya jangan dimurkai Allah
    Hidup rukun membawa berkah
    Disitu tuah dan marwah

24. Masyarakat Pelalawan harus bersatu
    Tolong menolong seaib semalu
    Jauhkan sifat dengki cemburu
    Supaya pembangunan berjalan laju

25. Tua dan muda hendaklah akur
    Sehilir semudik sebantal tidur
    Seiring jalan tegur menegur

Kepada Allah tetap bersyukur

26. Generasi muda hendaklah bijak
    Carilah peluang tempat berpijak
    Jangan menunggu orang mengajak
    Supaya marwah tidak tercampak

27. Alim Ulama membimbing umat
    Untuk menghapus segala maksiat
    Judi dan arak harus disikat
    Supaya kampung kita selamat

28. Pemangku adat jangalah lalai
    Petua amanah harus dipakai
    Jadikan adat sebagai simpai
    Supaya tidak bercerai berai

29. Hutan dan tanah hendaklah jaga
    Jangan dijual memburu harta
    Ingatlah nasib anak cucu kita
    Supaya mereka tidak menderita

30. Kepada pemerintah kita berseru
    Adil dan benar tempat bertumpu
    Dengan rakyat jangan berseteru
    Bela membela sepanjang waktu

31. Kepada pengusaha kita ingatkan
    Rakus dan tamak segera hentikan
    Makan jangan sampai menghabiskan
    Minum pun jangan sampai mengeringkan

32. Di negeri ini tuan berusaha
    Carilah untung berpada-pada
    Jangan dibodohi rakyat jelata
    Rezki yang ada sama merasa

33. Kepada pendatang kita berpesan
    Kemari jangan mencari lawan
    Adat lembaga tolong hargakan
    Supaya kita tidak bermusuhan

34. Tuan-tuan datang mencari kerja
    Jangan bersikap semena-mena
    Sopan dan santun hendaklah dijaga
    Supaya kerukunan tetap terpelihara

35. Apabila semua berfikiran jernih
Tentu tak ada silang selisih
Hidup bersama berbagi kasih
Maksiat hilang kampungpun bersih
36. Apabila semua berdada lapang
Silang sengketa tentulah hilang
Kampung aman hdiuppun tenang
Dalam berusaha tiada penghalang

37. Apabila semua tahukan diri
Tak ada lagi umpat dan keji
Sakit dan senang sama berbagi
Di situlah tuah kita berdiri

38. Demikianlah syair beruk budiman
Semoga menjadi contoh teladan
Hutan dan tanah kita manfaatkan
Untuk anak cucu dimasa depan

39. Pelalawan milik kita bersama
Karenannya wajib kita pelihara
Laut dan darat sama setara
Semoga hidup kita berjaya

40. Pelalawan perlu kita benahi
Sudah silihnya kita perbaiki
Hak masyarakat kita lindungi
Hak pengusaha kita hormati

41. Orang Pelalawan terkenal beradat
Fikiran panjang akalpun sehat
Karenannya segera hapuskan maksiat
Supaya masyarakat tiada sesat

42. Orang Pelalawan sudah terbilang
Gagah berani masuk gelanggang
Ada pendekar ada hulubalang
Membenteras maksiat tak usah bimbang

43. Sampai disini syairpun sudah
Mana yang baik jadikan petuah
Puji dan syukur kepada Allah
Semoga kita mendapatkan berkah.

Pekan baru, Oktober 2000